# LAPORAN TAHUNAN 2008




Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia





Kompleks C, Bangunan SPA Putrajaya




Pusat Temu Duga SPA Jalan Cenderasari,
Kuala Lumpur



Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
SPA Urus Setia Cawangan Sabah



Bangunan Wisma Persekutuan,
SPA Urus Setia Cawangan Sarawak



# Kandungan









| | Muka Surat |
|---|---|
| Perutusan Pengerusi | 6-7 |
| Ringkasan Eksekutif | 9-11 |
| Latar Belakang | 13-15 |
| Ahli-Ahli Suruhanjaya | 17-23 |
| Urus Setia Suruhanjaya | 25-27 |
| Urusan Pelantikan | 29-55 |
| Urusan Perkhidmatan | 57-66 |
| Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib | 67-71 |
| Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya | 73-85 |
| Bajet | 87-90 |
| Program Penambahbaikan | 91-105 |
| Keratan Akhbar | 107-109 |
| Penghargaan | 111-112 |
| Lampiran 'A' | 113-121 |

## Visi

Menjadi agensi peneraju dalam melantik penjawat awam yang terbaik.

## Misi

Melantik penjawat awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan berkesan.

## Moto

Mudah, Cepat dan Tepat.



# PERUTUSAN PENGERUSI

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



**Y. BHG.TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI**

Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

# PERUTUSAN PENGERUSI

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) melaksanakan fungsinya-fungsinya mengikut peruntukan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan. Pada tahun 2008, SPA telah berjaya melaksanakan fungsi yang diamanahkan dengan jayanya.

Dari segi pencapaian, jumlah keseluruhan pemohon yang mendaftar permohonan jawatan dengan SPA pada tahun 2008 adalah seramai 996,791 orang iaitu meningkat sebanyak 23.67% berbanding tahun 2007. Daripada jumlah tersebut, 284,220 calon telah dipanggil temu duga dan 52,369 calon telah berjaya dilantik. Jika dibandingkan dengan tahun 2007, terdapat peningkatan 33.57% bagi jumlah calon dipanggil temu duga dan peningkatan 36.72% bagi calon yang berjaya dilantik. Dalam tempoh yang sama, seramai 24,692 pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan, 17,072 pegawai diberi taraf berpencen, 527 pegawai dinaikkan pangkat dan seramai 101 pegawai merayu kenaikan pangkat. SPA juga telah memutuskan 24 kes tindakan tatatertib dan 260 kes rayuan tatatertib. Dalam tahun 2008, SPA telah mengadakan 41 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 41 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 40 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat melibatkan 2,322 kertas Mesyuarat Suruhanjaya.

Sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang utama dan menjadi peneraju dalam urusan pelantikan penjawat awam, agenda mendapatkan bakal-bakal penjawat awam yang berkualiti sentiasa menjadi keutamaan SPA. Dalam hal ini, SPA sentiasa berusaha meningkatkan profesionalisme dan kecekapan dalam menjalankan tugasnya. Bagi mendapatkan kualiti calon terbaik bagi menyertai perkhidmatan awam, satu kaedah baru yang dikenali sebagai *Profiling Recruitment Model* akan diperkenalkan. Melalui kaedah ini, calon akan melalui proses tapisan dalam bentuk peperiksaan *aptitude* dan sahsiah, pemeriksaan fizikal, *assessment centre* dan temu duga.

SPA juga sentiasa berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan urusan pengambilan yang mengambil kira kepelbagaian komposisi kaum, taburan geografi, gender, lulusan dalam negeri dan luar negeri dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam perkhidmatan awam tanpa mengenepikan aspek kualiti calon yang bakal dilantik. Usaha-usaha ini adalah bagi menterjemahkan hasrat SPA untuk mewujudkan *"Perkhidmatan Awam Untuk Semua".*

Adalah diharapkan Laporan Tahunan SPA bagi tahun 2008 ini dapat memberikan gambaran dan maklumat mengenai aktiviti dan pencapaian SPA secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih dan salam hormat dari saya,

**TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI**

LAPORAN TAHUNAN 2008

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SPA ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Perkara 146(1), Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan dalam kedua-dua Dewan Parlimen.

SPA telah ditubuhkan di bawah Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah agensi bebas yang dipertanggungjawabkan dengan tugas melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Perkara 144(1).

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Perkara 139(4), Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia termasuk Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Untuk tahun 2008, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah diperuntukkan sebanyak RM46,119,000.00 di bawah maksud Bekalan(B05). Walau bagaimanapun, peruntukan sebenar tersebut telah dipinda kepada RM44,080,000.00 ekoran Waran Sekatan yang dikenakan oleh pihak Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2008 sebagai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan awam. Dari jumlah itu sebanyak RM14,063,741.92 untuk Emolumen; RM28,431,670.57 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; RM60,500.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM506,099.50 untuk Aset. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam 2008 adalah sebanyak RM43,052,511.99 atau 97.67%.

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM7,826,900.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,327,230.94 untuk Emolumen; RM3,164,589.27 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM463,355.23 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh Akaun Awam tahun 2008 ditutup ialah RM6,955,175.44 atau 88.86%.

Hasil kerja Suruhanjaya sepanjang tahun 2008 adalah seperti berikut:

| BIL. | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Permohonan<br>• Bilangan Permohonan Diterima | 996,791 pemohon |
| 2. | Pengambilan<br>• Bilangan Urusan Pengambilan | 679 kali |
| 3. | Pelantikan<br>• Bilangan Pelantikan Tetap | 52,369 calon |
| | • Bilangan Pelantikan Kontrak | 481 calon |
| 4. | Pemilihan Pelatih<br>• Bilangan Pemilihan Pelatih Separa Perubatan | 11,286 calon |

| | | |
|---|---|---|
| 5. | Urusan Perkhidmatan<br>• Bilangan Pengesahan Pelantikan | 31,791 pegawai |
| | • Bilangan Pengesahan Dalam Perkhidmatan | 24,692 pegawai |
| | • Bilangan Pelanjutan Tempoh Percubaan | 1,356 pegawai |
| | • Bilangan Pemberian Taraf Berpencen | 17,072 pegawai |
| | • Bilangan Kembali ke dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu | 7 pegawai |
| | • Bilangan Pembatalan Tawaran Pelantikan | 37 pegawai |
| | • Bilangan Penamatan Perkhidmatan | 52 pegawai |
| | • Bilangan Pertukaran Perkhidmatan | 93 pegawai |
| | • Bilangan Penetapan Gaji Permulaan | 1,622 pegawai |
| | • Bilangan Pertukaran Sementara, Peminjaman dan Pertukaran Tetap | 446 pegawai |
| | • Bilangan Pelepasan Untuk Peminjaman dan Pertukaran Pelantikan | 106 pegawai |
| | • Bilangan Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen | 3,076 pegawai |
| 6. | Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib<br>• Bilangan Kenaikan Pangkat | 527 pegawai |
| | • Bilangan Rayuan Kenaikan Pangkat | 101 pegawai |
| | • Bilangan Tindakan Tatatertib | 24 kes |
| | • Bilangan Rayuan Tatatertib | 260 kes |

Aktiviti Suruhanjaya sepanjang tahun 2008 adalah seperti berikut:

| BIL. | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat<br>• Bilangan Mesyuarat Suruhanjaya | 41 kali |
| | • Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib | 41 kali |
| | • Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat | 40 kali |

LAPORAN TAHUNAN 2008

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia




# LATAR BELAKANG

## PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah ditubuhkan mengikut Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

## TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- melantik;
- mengesahkan;
- memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
- menaikkan pangkat;
- menukar; dan
- menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

## BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perkara 132(1)(c), Perlembagaan Persekutuan;
- Anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai satu perkhidmatan awam di bawah Perkara 132(1)(f), Perlembagaan Persekutuan; dan
- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

## KUASA SURUHANJAYA KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM

- **Negeri Melaka dan Pulau Pinang**

  Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan.

- **Negeri Sembilan**

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959 Negeri Sembilan* dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order, 1961 Negeri Sembilan* selaras dengan peruntukan Perkara 139(2), Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa meliputi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan kecuali:

- Pengelola Bijaya Diraja;
- Juruiring kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Pegawai Kerani kepada Undang; dan
- Penghulu.

- **Negeri Perlis**

  Selaras dengan peruntukan Perkara 139(2), Perlembagaan Persekutuan, kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction)* Enactment 1958 Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extended Jurisdiction) Order, 1960 Negeri Perlis* yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Di bawah undang-undang ini, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai perkhidmatan awam Negeri Perlis kecuali:

  - Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu;
  - Pegawai dalam Bahagian IV;
  - Penghulu dan Penolong Penghulu; dan
  - Pekerja bergaji hari.

## KUASA SURUHANJAYA YANG DIWAKILKAN

Perkara 144(6), Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakilkan kuasanya kepada kementerian/ jabatan dan pentadbiran negeri bagi melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen. Setakat ini, perwakilan kuasa yang diberikan adalah seperti berikut:

- P.U. (B) 16 mewakilkan kuasa kepada Ketua Setiausaha Negara bagi melantik pegawai ke jawatan Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar Gred S41 kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen;
- P.U. (B) 74 mewakilkan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bagi pelantikan ke jawatan tertentu di Pentadbiran Negeri tersebut;
- P.U. (B) 496 mewakilkan kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan untuk melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen kepada pegawai dalam Kumpulan Sokongan II *(Kumpulan D di bawah JKK).*

## PENUBUHAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN KENAIKAN PANGKAT

Perkara 144(5B)(i), Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 3(3), *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958* Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959 Negeri Sembilan* memperuntukkan bahawa semua kuasa dan tugas Suruhanjaya selain daripada kuasa membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Pemerintah negeri berkenaan.

Selaras dengan peruntukan tersebut, peraturan yang berkaitan telah digubal, di mana Lembaga Tatatertib dan Lembaga Kenaikan Pangkat telah ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan bagi menjalankan sebahagian kuasa dan tugas Suruhanjaya berhubung kawalan tatatertib dan kenaikan pangkat.

## WAKIL SURUHANJAYA DALAM SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

Selaras dengan Perkara 140(3), Perlembagaan Persekutuan, seorang ahli Suruhanjaya iaitu Y.Bhg. Datuk Ab. Hamid Bin Othman telah dipilih mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Suruhanjaya Pasukan Polis bermula dari 4 Ogos 2007.



# AHLI-AHLI SURUHANJAYA

# AHLI-AHLI SURUHANJAYA Perkhidmatan Awam Malaysia

Ahli Suruhanjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 139(4), Perlembagaan Persekutuan. Ahli Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli biasa (minimum 4 orang). Dalam tahun 2008, Suruhanjaya dianggotai oleh:

## Pengerusi



**Y. Bhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri**
P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.S., D.G.P.N., D.M.P.N., D.P.M.P., K.M.N.

## Timbalan Pengerusi



**Y. Bhg. Datuk Muhammad bin Mohd Nor**
P.S.D., D.S.N.S., D.N.S., P.P.T., B.K.T.
Sehingga 21-02-2008



**Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Said**
D.P.M.T., D.S.P.N., A.S.M., K.M.N., A.M.T.
Mulai 10-03-2008

## Ahli-Ahli Suruhanjaya



Y. Bhg. Dato' Ahmad Pharmy
bin Abdul Rahman
D.P.T.J., J.S.M., K.M.N.
Sehingga 01-04-2008



Y. Bhg. Dato' Haji Mohd Isa
bin Shariff
D.I.M.P., A.M.N., A.A.P., P.J.K.
Sehingga 15-04-2008



Encik Tey Boon Hwa
J.S.M., K.M.N.
Sehingga 01-04-2008



Tuan Dr. Haji Ahmad Anwar
bin Mohd Ismail
Sehingga 08-04-2008



Y. Bhg. Datin Hajah Fauziah
binti Haji Mohd Ramly
J.M.N., K.M.N.
Sehingga 29-10-2008



Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Yunus
bin Haji Ag. Hashim
P.G.D.K. A.S.D.K., A.M.N., A.D.K.



Tuan Haji Abang Talhata
bin Haji Abang Hazemi
K.M.N., P.P.C., P.B.K., A.M.N.,
P.P.B., P.P.D., D.E.A. (U.K)



Y. Bhg. Dato' Zakaria
bin Mohd Taib
D.S.P.N., K.M.N., A.M.N.
Sehingga 18-04-2008



Y. Bhg. Datuk Haji Abdullah
bin Haji Yatim
P.S.D., D.S.S.A, J.S.D., A.S.D.K.,
P.S.K., K.M.N.
Sehingga 18-04-2008

# Ahli-Ahli Suruhanjaya



**Y. Bhg. Dato' Wan Abdul Wahab bin Abdullah**
D.M.P.T., J.M.N., P.J.K.
Sehingga 18-04-2008



**Y. Bhg. Datuk Md. Sani bin Adam**
P.G.D.K., J.S.M., A.S.D.K., K.M.N., A.M.N.
Sehingga 29-08-2008



**Y. Bhg. Dato' Asmah binti Abdul Hamid**
D.I.M.P., J.S.M., K.M.N., A.M.N.
Sehingga 29-08-2008



**Y. Bhg. Datuk Selvaraj A/L Arokiam**
P.M.W., K.M.N.
Sehingga 29-08-2008



**Y. Bhg. Dato' Halimah binti Haji Sulaiman**
D.I.M.P., P.S.M., P.M.P., K.M.N.
Sehingga 25-09-2008



**Pengiran Haji Zain bin Pengiran Haji Salleh**
J.B.K., P.B.K., P.P.D., P.P.B.



**Tuan Haji Bujang Mohidin bin Haji Jol**
J.B.K., K.M.N., P.P.C., P.P.D, P.P.B.



**Y. Bhg. Datuk Haji Harith Munjong Yahya**
P.G.D.K., A.M.N.



**Encik Freddie Choo Chin Seng**
K.M.N.

# Ahli-Ahli Suruhanjaya



**Puan Hajah Siti Fatimah binti Abd. Majid**
A.M.N., A.D.K., B.S.K.



**Y. Bhg. Dato' Haji Houd bin Haji Sirat**
D.P.M.P., S.S.A., P.M.P., K.M.N., P.P.T.



**Y. Bhg. Dato' Haji Muhamed Kamal bin Abu Bakar**
D.P.S.K., J.S.M., A.M.N.



**Y. Bhg. Dato' Haji Siajam bin Buyong**
D.S.N.S., J.S.M., K.M.N.



**Y. Bhg. Dato' Mohd. Zawawi bin Mohd Nordin**
D.P.M.P., J.S.M., K.M.N.



**Y. Bhg. Dato' Hajah Khamsiah binti Haji Muhammad**
D.I.M.P., A.M.N.



**Y. Bhg. Datuk Ab. Hamid bin Othman**
P.J.N., D.P.S.K., K.M.N., A.M.N.



**Y. Bhg. Datin Paduka Jaya Partiban**
D.P.M.S., J.M.N., K.M.N., A.M.N.



**Y. Bhg. Dato' Noraina Amenyah binti Yahaya Uddin**
D.I.M.P., K.M.N., A.M.P.

## Ahli-Ahli Suruhanjaya



**Puan Hajah Kasmah binti Mohd Shariff**
A.M.N.



**Encik Chan Ah Loon**
K.M.N.



**Puan Hajah Zaiton binti Mohd Shaharon**
K.M.N.



**Y. Bhg. Dato' Haji Luey bin Puteh**
D.I.M.P,, D.S.M., K.M.N., A.M.N.



**Y. Bhg. Datuk Kee Sue Sing**
P.J.N., K.M.N., A.M.N., P.J.K.



**Y. Bhg. Dato' Abdul Abas bin Abdul Rahman**
D.I.M.P., K.M.N., A.M.N.



**Encik Tambi bin Abu Hasan**
D.S.M., K.S.D., A.M.N.



**Encik Lim Kar Keng**



**Encik Thilaganaban S. Mariappen**
P.M.P., K.M.N

## Ahli-Ahli Suruhanjaya



**Puan Thoong Lay Chooi**
D.J.N., A.M.N.



**Y. Bhg. Datuk Mohtar bin Abas**
D.S.P.N., S.D.K., D.J.N., P.K.T., A.M.N., P.J.K.



**Y. Bhg. Ar. Noorisah binti Abu Shukor**
J.S.D., K.M.N., A.M.N.



**Puan Jaazah binti Jaafar**
J.S.M.,K.M.N., A.M.N.



**Encik Chua Tong Ka**
K.M.N.



**Y. Bhg. Datuk Haji Mustapha bin Naina Maricar**
P.G.D.K, J.S.M, A.S.D.K., A.M.N.

LAPORAN TAHUNAN 2008

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



# URUS SETIA SURUHANJAYA

# URUS SETIA SURUHANJAYA Perkhidmatan Awam Malaysia



**Y. Bhg. Dato' Lamien bin Sawiyo**
D.S.A.P., D.M.S.M., J.S.M.,K.M.N.
**Setiausaha**



**Puan Lim Mooi Eia**
Timbalan Setiausaha
(Perkhidmatan)



**Encik Ramli bin Juhari**
Timbalan Setiausaha
(Pengambilan)



**Cik Chan Hong Jin**
Setiausaha Bahagian Perkhidmatan



**Encik Zainal Abidin bin Ahmad**
Setiausaha Bahagian Pengambilan



**Encik Mohd. Shaiful bin Ibrahim**
Setiausaha Bahagian
Pengambilan Khas



**Encik Mohd Shuhaili bin Mohd Taufek**
Setiausaha Bahagian Naik Pangkat
dan Tatatertib



**Encik Che Harun bin Haji Mohammad**
Setiausaha Bahagian Peperiksaan



**Encik Tan Awang Besar**
Setiausaha Bahagian Dasar
Dan Perancangan



**Encik Mohamad Sapri bin Ismail**
Setiausaha Bahagian
Teknologi Maklumat



**Encik Anuar bin Othman**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan
Kehakiman dan Perundangan



**Encik Shafarin bin Nasuredin**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Mesyuarat



**Encik Mohd Nazri bin Dollah**
Setiausaha Bahagian Pengurusan



**Encik Musa bin Sulaiman**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sabah



**Encik Hamizar bin Hassan**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sarawak



**Puan Radziah binti Mohd Sharif**
Pegawai Perhubungan Awam

**Puan Siti Nur Ikhlas binti Bustami**
Penasihat
Undang-Undang

Urus Setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha Gred Utama B dan dibantu oleh dua orang Timbalan Setiausaha, Gred Utama C, 12 orang Setiausaha Bahagian terdiri daripada empat orang pegawai Gred M54, dua orang Gred M52, seorang Gred F52, seorang Gred 52, empat orang Gred M48 serta 523 orang pegawai pelbagai pangkat dan gred.

Urus Setia Suruhanjaya terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya; di Kota Kinabalu bagi Cawangan Sabah dan di Kuching bagi Cawangan Sarawak.

LAPORAN TAHUNAN 2008

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



# URUSAN PELANTIKAN

## URUSAN PELANTIKAN

Pelantikan, iaitu pelantikan tetap, sementara atau kontrak, merupakan satu daripada enam fungsi Suruhanjaya. Fungsi ini melibatkan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Pada tahun 2008, jumlah permohonan menunjukkan peningkatan di mana sebanyak 996,791 permohonan telah diterima iaitu 82,204 melalui SPA 8 (OMR) dan 914,587 melalui SPA 8i (Internet). Manakala pada tahun 2007, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 760,840 iaitu 134,758 melalui SPA 8 (OMR) dan 626,082 melalui SPA 8i (Internet). Pecahan permohonan adalah seperti **Jadual 1.**

**JADUAL 1**
**PERMOHONAN JAWATAN MELALUI SISTEM MENGAMBIL SEPANJANG MASA (eSMSM) 2007 - 2008**

| TAHUN | BORANG DITERIMA | | |
|---|---|---|---|
| | SPA 8 (OMR) | SPA 8i (Internet) | JUMLAH |
| 2007 | 134,758 | 626,082 | 760,840 |
| 2008 | 82,204 | 914,587 | 996,791 |



Calon sedang ditemu duga oleh Lembaga Temu Duga yang terdiri daripada seorang Ahli Suruhanjaya dan Wakil Jabatan

Daripada 996,791 jumlah permohonan, seramai 284,220 calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga. Seramai 184,348 calon telah menghadiri temu duga dan daripada jumlah itu, seramai 52,369 calon telah ditawarkan pelantikan dan latihan Separa Perubatan di mana ianya merangkumi 7,594 calon bagi jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional; 9,357 calon bagi Kumpulan Sokongan I dan 35,443 calon bagi Kumpulan Sokongan II termasuk 11,286 calon Latihan Separa Perubatan. Pada tahun 2007, seramai 305,704 calon dipanggil temu duga dan seramai 38,569 calon ditawarkan pelantikan dan latihan Separa Perubatan. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan, calon dipanggil temu duga, hadir temu duga dan dilantik dalam tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di **Jadual 2 (a), Jadual 2 (b), Carta 1(a) dan Carta 1(b).**

**JADUAL 2 (a)**
**BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA , CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON DILANTIK MENGIKUT SKIM BAGI TAHUN 2007 - 2008**

| TAHUN | KUMPULAN JAWATAN | JUMLAH PERMOHONAN | BIL. CALON DIPANGGIL TEMU DUGA | BIL. CALON HADIR TEMU DUGA | BILANGAN LANTIKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 2007 | Pengurusan Dan Profesional (Ijazah) | 1,235,036 | 28,290 | 19,781 | 5,802 |
| | Sokongan I (Diploma) | 592,244 | 33,517 | 21,976 | 6,775 |
| | Sokongan II (Sijil, SPM, PMR) | 2,500,056 | 243,897 | 167,997 | 25,992 |
| | Jumlah | 4,327,336 | 305,704 | 209,754 | 38,569 |
| 2008 | Pengurusan Dan Profesional (Ijazah) | 1,294,080 | 23,812 | 16,409 | 7,594 |
| | Sokongan I (Diploma) | 828,157 | 37,302 | 22,266 | 9,385 |
| | Sokongan II (Sijil, SPM, PMR) | 6,493,359 | 454,715 | 243,995 | 35,691 |
| | Jumlah | 8,615,596 | 515,829 | 282,670 | 52,670 |

Nota : Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi Kumpulan Sokongan dan jawatan Separa Perubatan di Kementerian Kesihatan.

**JADUAL 2 (b)**
**BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA ,**
**CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON DILANTIK MENGIKUT INDIVIDU BAGI TAHUN 2007 - 2008**

| TAHUN | KUMPULAN JAWATAN | JUMLAH PERMOHONAN (INDIVIDU) | BIL. CALON DIPANGGIL TEMU DUGA | BIL. CALON HADIR TEMU DUGA | BILANGAN LANTIKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 2007 | Pengurusan Dan Profesional (Ijazah) | 141,940 | 25,220 | 18,465 | 5,789 |
| | Sokongan I (Diploma) | 165,905 | 26,571 | 20,021 | 6,705 |
| | Sokongan II (Sijil,SPM,PMR) | 452,995 | 137,009 | 103,299 | 25,879 |
| | Jumlah | 760,840 | 188,800 | 141,785 | 38,373 |
| 2008 | Pengurusan Dan Profesional (Ijazah) | 166,504 | 21,829 | 15,692 | 7,569 |
| | Sokongan I (Diploma) | 226,174 | 31,007 | 20,404 | 9,357 |
| | Sokongan II (Sijil,SPM,PMR) | 604,113 | 231,384 | 148,252 | 35,443 |
| | Jumlah | 996,791 | 284,220 | 184,348 | 52,369 |

Nota : Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi Kumpulan Sokongan dan jawatan Separa Perubatan di Kementerian Kesihatan.

**CARTA 1 (a)**
**BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON DILANTIK BAGI TAHUN 2007 - 2008**



**CARTA 1 (b)**
**PERATUS LANTIKAN MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2008**



## PELANTIKAN TETAP

Urusan pelantikan yang dilaksanakan melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM) telah diperkenalkan pada tahun 1997. Di bawah sistem ini, calon boleh mendaftarkan permohonan mereka pada bila-bila masa sepanjang tahun tanpa menunggu iklan disiarkan. Urusan pengambilan bermula apabila Suruhanjaya menerima permohonan pengisian jawatan dari kementerian/jabatan. Keberkesanan dan kecekapan pelaksanaan sistem ini telah mendapat pengiktirafan kerajaan apabila Suruhanjaya menerima penganugerahan standard kualiti MS ISO 9002 pada 9 Februari 1999.



Calon mendaftar di kaunter Urus Setia sebelum ditemu duga

- **Pelantikan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan**

Dalam tahun 2008, sejumlah 679 urusan pengambilan telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I dan II di kementerian/jabatan dan pentadbiran negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Pada tahun 2008, seramai 6,503 calon telah dilantik ke jawatan Separa Perubatan, termasuk 208 calon bukan tajaan berbanding dengan tahun 2007, Suruhanjaya telah melantik seramai 5,226 calon ke jawatan Separa Perubatan, termasuk 126 calon bukan tajaan. Butiran terperinci seperti di **Jadual 3** dan **Carta 2**. Jumlah pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya bagi tahun 2008 adalah seperti di **Lampiran 'A'.**

- **Pemilihan Mengikuti Latihan Separa Perubatan**

Dalam tahun 2008, Urus Setia Suruhanjaya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menemu duga seramai 56,069 calon berbanding 29,722 calon pada tahun 2007 bagi mengikuti latihan Separa Perubatan.

Seramai 11,286 calon telah dipilih untuk mengikuti 13 jenis latihan pada peringkat diploma dan sijil dalam tahun 2008 berbanding 8,463 calon pada tahun 2007. Sila lihat **Jadual 4** dan **Carta 3.**

**JADUAL 3**
**PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN 2007 - 2008**

| BIL. | JAWATAN BERTARAF DIPLOMA | TAHUN | |
|---|---|---|---|
| | | 2007 | 2008 |
| 1 | Juru X-Ray Gred U29 | 149 | 150 |
| 2 | Jurupulih Perubatan (Anggota) Gred U29 | 62 | 65 |
| 3 | Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) Gred U29 | 60 | 50 |
| 4 | Jururawat Gred U29 | 2,052 | 2,923 |
| 5 | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 | 192 | 229 |
| 6 | Pembantu Perubatan Gred U29 | 569 | 653 |
| 7 | Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29 | 233 | 469 |
| 8 | Jururawat Pergigian Gred U29 | 121 | 125 |
| 9 | Juruteknologi Pergigian Gred U29 | 26 | 40 |
| 10 | Pembantu Farmasi Gred U29 | 107 | 146 |
| | JAWATAN BERTARAF SIJIL | | |
| 11 | Jururawat Masyarakat Gred U19 | 1,474 | 1,226 |
| 12 | Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17 | 181 | 247 |
| 13 | Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 | - | 180 |
| | JUMLAH | 5,226 | 6,503 |

**CARTA 2**
**PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN 2007 - 2008**



**JADUAL 4**
**PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN 2007 - 2008**

| BIL. | JAWATAN BERTARAF DIPLOMA | TAHUN | |
|---|---|---|---|
| | | 2007 | 2008 |
| 1 | Juru X-Ray | 290 | 373 |
| 2 | Jurupulih Perubatan (Anggota) | 80 | 209 |
| 3 | Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) | 80 | 196 |
| 4 | Jururawat | 3,420 | 4,714 |
| 5 | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran | 363 | 539 |
| 6 | Pembantu Perubatan | 816 | 1,042 |
| 7 | Juruteknologi Makmal Perubatan | 510 | 543 |
| 8 | Jururawat Pergigian | 130 | 194 |
| 9 | Juruteknologi Pergigian | 80 | 138 |
| 10 | Pembantu Farmasi | 350 | 423 |
| | JAWATAN BERTARAF SIJIL | | |
| 11 | Jururawat Masyarakat | 1,758 | 2,215 |
| 12 | Pembantu Pembedahan Pergigian | 220 | 210 |
| 13 | Pembantu Kesihatan Awam | 366 | 490 |
| | JUMLAH | 8,463 | 11,286 |

**CARTA 3**
**PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN 2007 – 2008**



## PELANTIKAN KONTRAK

Dalam usaha mengisi kekosongan jawatan yang kekurangan bilangan calon seperti Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian, Suruhanjaya telah melantik secara kontrak calon warganegara dan bukan warganegara untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah melantik seramai 415 orang Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian berbanding 367 pada tahun 2007. Peningkatan jumlah pelantikan ini disebabkan pertambahan permohonan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian dalam tahun 2008. Pelantikan semula secara Kontrak Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian bukan warganegara tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di **Jadual 5.**

**JADUAL 5**
**PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK**
**PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN BUKAN WARGANEGARA 2007 - 2008**

| TAHUN | PEGAWAI PERUBATAN | | PEGAWAI PERGIGIAN | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| | Pelantikan | Pelantikan Semula | Pelantikan | Pelantikan Semula | |
| 2007 | 61 | 262 | 14 | 30 | 367 |
| 2008 | 126 | 234 | 23 | 32 | 415 |

Suruhanjaya juga telah melaksanakan urusan pelantikan dan pelantikan semula secara kontrak seramai 1,684 orang warganegara dan 33 orang bukan warganegara pada tahun 2007 dan pada tahun 2008, seramai 3,417 orang warganegara dan 290 bukan warganegara. Jumlah keseluruhan di bawah pelantikan ini adalah seramai 1,717 orang pada tahun 2007 dan 3,707 orang pada tahun 2008. Pelantikan dan pelantikan semula secara kontrak tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di **Jadual 6.**

**JADUAL 6**
**PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK 2007 - 2008**

| TAHUN | PELANTIKAN | | PELANTIKAN SEMULA | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| | Warganegara | Bukan Warganegara | Warganegara | Bukan Warganegara | |
| 2007 | 1,397 | 7 | 287 | 26 | 1,717 |
| 2008 | 2,705 | 152 | 712 | 138 | 3,707 |

## PELANTIKAN KE JAWATAN KHAS

Jawatan Khas terdiri daripada jawatan Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Pengelola Bijaya DiRaja dan semua jawatan Pesuruhjaya Tinggi/Duta Besar. Dalam tahun 2008, Suruhanjaya telah menguruskan pelantikan (termasuk pelantikan kontrak) bagi Jawatan Khas berikut:

- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- Ketua Pengarah Kesihatan
- Ketua Pengarah Kerja Raya
- Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

- Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat
- Duta Besar Malaysia ke Mesir
- Duta Besar Malaysia ke Sepanyol
- Duta Besar Malaysia ke Russia
- Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi
- Duta Besar Malaysia ke Mexico
- Duta Besar Malaysia ke Ireland
- Duta Besar Malaysia ke Republik Rakyat Demokratik Korea
- Duta Besar Malaysia ke Sweden
- Duta Besar Malaysia ke Uzbekistan
- Duta Besar Malaysia ke Romania
- Duta Besar Malaysia ke Lebanon
- Duta Besar Malaysia ke Belgium & Europian Union
- Duta Besar Malaysia ke Syria
- Duta Besar Malaysia ke Libya
- Duta Besar Malaysia ke Argentina
- Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia
- Duta Besar Malaysia ke Republik Czech
- Duta Besar Malaysia ke Itali
- Duta Besar Malaysia ke Thailand
- Duta Besar Malaysia ke Croatia
- Duta Besar Malaysia ke Vietnam
- Duta Besar Malaysia ke Belanda
- Duta Besar Malaysia ke Republik Ecuador dan Republik Colombia
- Duta Besar Malaysia ke Republik Peru
- Duta Besar Malaysia ke Republik Chile
- Duta Besar Malaysia ke Brazil
- Duta Besar Malaysia ke Switzerland
- Duta Besar Malaysia ke Myanmar
- Duta Besar Malaysia ke Kemboja
- Duta Besar Malaysia ke Jordan
- Duta Besar Malaysia ke Kuwait
- Duta Besar Malaysia ke Republik Rakyat China
- Duta Tugas-tugas Khas
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Zimbabwe
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Ghana
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ke Bangladesh

## KAEDAH URUSAN PENGAMBILAN

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan kecekapan urusan pengambilan, beberapa pendekatan telah diperkenalkan iaitu:

- Temu Duga Terbuka

Kaedah Temu Duga Terbuka telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya pada akhir tahun 2002, khususnya bagi pengambilan calon warganegara berkelulusan luar negara bagi jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Di bawah kaedah ini, lulusan tiga bidang kritikal ini boleh menetapkan temu janji untuk mereka ditemu duga.

Calon boleh menghadiri temu duga dengan Suruhanjaya di mana temu duga tersebut diadakan pada hari Selasa setiap minggu. Mereka yang layak dan sesuai akan diberi surat tawaran pelantikan selepas mereka ditemu duga. Pecahan urusan yang telah dibuat dalam tahun 2007 dan tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 7.**

**JADUAL 7**
**PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN TEMU DUGA TERBUKA 2007 - 2008**

| TAHUN | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | Pegawai Perubatan | Pegawai Pergigian | Pegawai Farmasi | |
| 2007 | 328 | 13 | 162 | 503 |
| 2008 | 539 | 68 | 126 | 733 |



Calon sedang menunggu giliran untuk ditemu duga.

- **Pengambilan Berterusan atau Temu Duga Pelajar Tahun Akhir**

Di bawah kaedah ini, pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, khususnya pelajar bidang perubatan, pergigian dan farmasi ditemu duga bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan. Pecahan urusan yang telah dijalankan menerusi kaedah ini seperti **Jadual 8.**

**JADUAL 8**
**PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN PENGAMBILAN BERTERUSAN 2007 - 2008**

| TAHUN | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | Pegawai Perubatan | Pegawai Pergigian | Pegawai Farmasi | |
| 2007 | 1,089 | 220 | 410 | 1,719 |
| 2008 | 1,329 | 218 | 537 | 2,084 |

## JAWATAN YANG KEKURANGAN CALON

- Terdapat beberapa jawatan yang sukar diisi kerana kekurangan calon yang layak dalam bidang/ disiplin yang diperlukan. Jawatan tersebut adalah seperti **Jadual 9.**

**JADUAL 9**
**JAWATAN YANG KEKURANGAN CALON 2007 - 2008**

| BIL. | JAWATAN | 2007 | | | 2008 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kosong | Diisi | Kekurangan | Kosong | Diisi | Kekurangan |
| 1 | Pegawai Perubatan Gred UD41 | 3,250 | 1,417 | 1,833 | 4,428 | 1,868 | 2,560 |
| 2 | Pegawai Pergigian Gred U41 | 250 | 233 | 17 | 524 | 286 | 238 |
| 3 | Pegawai Farmasi Gred U41 | 750 | 572 | 178 | 1,139 | 663 | 476 |
| 4 | Pegawai Veterinar Gred G41 | 48 | 32 | 16 | 70 | 42 | 28 |
| 5 | Ahli Muzik Gred B41 | 24 | 3 | 21 | 7 | 1 | 6 |
| 6 | Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 | 71 | 13 | 58 | 43 | 25 | 18 |
| 7 | Serang Gred A17 | 5 | 2 | 3 | 33 | 1 | 32 |
| 8 | Jurubahasa Gred L17 | - | - | - | 47 | - | 47 |
| 9 | Ahli Fotografi Gred B17 | 13 | 4 | 9 | 33 | 10 | 23 |

## PELANTIKAN KAUM BUKAN MELAYU

Suruhanjaya telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum bukan Melayu untuk berkhidmat dengan sektor awam. Di antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya pada tahun 2008 adalah seperti berikut:

(a) menubuhkan jawatankuasa khas bagi menggalak representasi bukan Melayu dalam perkhidmatan awam yang terdiri dari Ahli-Ahli Suruhanjaya dan pegawai-pegawai Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

(b) menyiarkan iklan dalam akhbar berbahasa Cina dan Tamil (Sin Chew Daily dan Tamil Nesan);

(c) menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

(d) promosi kerjaya di tempat awam yang strategik seperti di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur dan Plaza Angsana, Johor Bahru;

(e) mengadakan taklimat kerjaya untuk guru kerjaya di PICC;

(f) menyiarkan *crawlers* mengenai urusan pengambilan jawatan di media elektronik seperti di televisyen semasa Berita Mandarin dan Berita Tamil serta radio Minnal fm dan Ai fm (RTM);

(g) pameran kerjaya di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR);

(h) mengeluarkan risalah kepada ketua masyarakat;

(i) mengadakan Hari Bersama Pelanggan di SMJK Chung Hwa Gombak, SMJK Yu Hua Kajang dan SMJK Chan Wa, Seremban; dan

(j) mengenal pasti jawatan yang bilangan lantikannya besar dan berusaha untuk meningkatkan bilangan kaum bukan Melayu melalui publisiti yang lebih luas.

Jika dilihat kepada statistik permohonan, usaha untuk meningkatkan komposisi kaum bukan Melayu dalam perkhidmatan awam telah membuahkan hasil di mana jumlah permohonan jawatan telah meningkat. Pada tahun 2007, permohonan daripada kaum Melayu berjumlah 631,264 orang, permohonan daripada kaum Cina berjumlah 12,875 orang, permohonan daripada kaum India berjumlah 18,553 orang manakala pada tahun 2008 permohonan daripada kaum Melayu berjumlah 827,540 orang, permohonan daripada kaum Cina berjumlah 17,443 orang manakala permohonan daripada kaum India berjumlah 24,815 orang. Maklumat peningkatan permohonan dan calon dilantik mengikut kaum adalah seperti **Carta 4 (a)** dan **Carta 4 (b).**

**CARTA 4 (a)**
**BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT KAUM TAHUN 2007 – 2008**



CARTA 4 (b)
BILANGAN CALON DILANTIK MENGIKUT KAUM TAHUN 2007 – 2008



## PELANTIKAN CALON ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Kerajaan telah menetapkan dasar pengambilan satu peratus (1%) peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU. Bagi calon OKU, Suruhanjaya telah memberikan keistimewaan iaitu tiada kriteria tambahan yang dikenakan ke atas mereka sebelum dipanggil temu duga dan juga pengecualian daripada menduduki peperiksaan khas bagi calon yang cacat penglihatan.

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah melantik seramai 275 calon OKU ke pelbagai skim perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut, seramai 41 calon dilantik bagi kumpulan Pengurusan & Profesional, 40 calon bagi kumpulan Sokongan I dan 194 calon bagi Kumpulan Sokongan II. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan calon OKU, ditemu duga dan dilantik dalam tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 10.**

**JADUAL 10**
**BILANGAN PERMOHONAN CALON OKU, DI TEMU DUGA DAN DILANTIK BAGI TAHUN 2008**

| BIL | KUMPULAN JAWATAN | PERMOHONAN | PANGGIL TEMU DUGA | HADIR TEMU DUGA | TAWARAN LANTIKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengurusan & Profesional (Ijazah) | 798 | 250 | 161 | 41 |
| 2. | Sokongan I (Diploma) | 1,515 | 336 | 193 | 40 |
| 3. | Sokongan II (Sijil, SPM, PMR) | 5,723 | 1,895 | 1,183 | 194 |
| JUMLAH | | 8,036 | 2,481 | 1,537 | 275 |

## PELANTIKAN CALON CEMERLANG

Pada tahun 2008, SPA telah menerima sebanyak 9,077 permohonan daripada calon cemerlang (Ijazah Kelas Pertama atau CGPA 3.50 dan ke atas). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,147 calon telah dipanggil temu duga, 1,096 calon telah menghadiri temu duga dan seramai 481 calon telah ditawarkan pelantikan. Daripada 481 calon yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam pada tahun 2008, seramai 92 orang adalah merupakan graduan daripada universiti-universiti terkemuka luar negara seperti **Vanderbilt University** dan **University of Pennsylvania** di Amerika Syarikat, **Warwick University** di United Kingdom serta **Monash University** dan **University of Melbourne** di Australia. Maklumat lanjut bilangan permohonan calon cemerlang, ditemu duga dan dilantik mengikut kelayakan dalam tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 11.**

**JADUAL 11**
**BILANGAN PERMOHONAN CALON CEMERLANG, DI TEMU DUGA DAN DILANTIK MENGIKUT KELAYAKAN BAGI TAHUN 2008**

| BIL | KELAYAKAN | PERMOHONAN | PANGGIL TEMU DUGA | HADIR TEMU DUGA | TAWARAN LANTIKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pelajar Tahun Akhir (Sarjana Muda, Sarjana Muda Kepujian) | 254 | 62 | 47 | 39 |
| 2. | Sarjana Muda Kepujian Dengan CGPA 3.50-3.74 | 6,904 | 1,630 | 851 | 360 |
| 3. | Sarjana Muda Kepujian Dengan CGPA 3.74-4.00 | 1,193 | 316 | 138 | 63 |
| 4. | Sarjana Muda Kepujian Kelas 1 | 726 | 139 | 60 | 19 |
| JUMLAH | | 9,077 | 2,147 | 1,096 | 481 |

## PEPERIKSAAN

Peperiksaan kendalian Suruhanjaya merupakan satu alat pengukuran tahap kebolehan dan kesesuaian calon untuk melalui pemilihan seterusnya iaitu temu duga. Maklumat daripada peperiksaan ini juga digunakan sebagai peramal kepada potensi dan prestasi calon yang memohon dalam sesuatu jawatan.

Suruhanjaya telah melaksanakan buat pertama kalinya Peperiksaan Memasuki Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M41 dan 14 Skim Perkhidmatan Gred 41 di dalam satu gabungan peperiksaan yang dinamakan Peperiksaan Memasuki 15 Skim Perkhidmatan Gred 41. Ini merupakan peperiksaan memasuki Perkhidmatan Awam yang menerima permohonan ramai calon. Peperiksaan ini melibatkan Peperiksaan Kecenderungan, Ujian Sahsiah dan Minat. Calon yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) layak menduduki Peperiksaan Memasuki 15 Skim Perkhidmatan seperti berikut:

a) Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41
b) Pegawai Siasatan Gred KR41
c) Penguasa Bomba Gred KB41
d) Pegawai Keselamatan Gred KP41
e) Penguasa Penjara Gred KX41
f) Pegawai Tadbir Gred N41
g) Pegawai Penguatkuasa Gred N41
h) Pegawai Arkib Gred S41
i) Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41
j) Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
k) Pegawai Psikologi Gred S41
l) Pegawai Penerangan Gred S41
m) Pegawai Belia dan Sukan Gred S41
n) Penguasa Kastam Gred W41
o) Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41

Bagi memasuki skim perkhidmatan separa perubatan bertaraf diploma, calon-calon dinilai dari segi kesesuaian sahsiah dan minat serta penilaian temu duga sebelum diterima masuk mengikuti latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Skim perkhidmatan Separa Perubatan yang terlibat adalah seperti berikut:-

a) Juru X-Ray
b) Jururawat
c) Jururawat Pergigian
d) Pembantu Farmasi
e) Pembantu Perubatan
f) Juruteknologi Makmal Perubatan
g) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
h) Juruteknologi Pergigian
i) Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)
j) Jurupulih Perubatan (Anggota)

Pada tahun 2008, sebanyak 47 urusan peperiksaan telah dikendalikan oleh Suruhanjaya berbanding 41 urusan peperiksaan pada tahun 2007. Pada tahun 2008, seramai 379,129 orang calon layak untuk menduduki peperiksaan berbanding 311,677 orang pada tahun 2007. Ini menunjukkan pertambahan calon layak menduduki peperiksaan sebanyak 21.64%. Perbandingan jumlah calon seperti di **Jadual 12.**

**JADUAL 12**
**PERBANDINGAN PEPERIKSAAN BERTULIS/AMALI/PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA KENDALIAN SURUHANJAYA 2007 - 2008**

| BIL | PEPERIKSAAN BERTULIS/AMALI/PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA | TAHUN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2007 | | 2008 | |
| | | KEKERAPAN | CALON LAYAK | KEKERAPAN | CALON LAYAK |
| 1. | Ahli Muzik Gred B41 – Bertulis | 1 | 725 | 0 | - |
| 2. | Ahli Muzik Gred B41 – Amali | 1 | 24 | 0 | - |
| 3. | Ahli Muzik Gred B27 – Bertulis | 1 | 312 | 0 | - |
| 4. | Ahli Muzik Gred B27 – Amali | 1 | 6 | 0 | - |
| 5. | Ahli Muzik Gred B17 – Bertulis | 1 | 2,442 | 0 | - |
| 6. | Ahli Muzik Gred B17 – Amali | 1 | 11 | 0 | - |
| 7. | Ahli Fotografi Gred B27 – Bertulis | 0 | - | 1 | 154 |
| 8. | Ahli Fotografi Gred B27 – Amali | 0 | - | 1 | 28 |
| 9. | Ahli Fotografi Gred B17 – Bertulis | 1 | 1,019 | 1 | 1,174 |
| 10. | Ahli Fotografi Gred B17 – Amali | 1 | 208 | 1 | 229 |
| 11. | Artis Budaya Gred B27 – Bertulis | 1 | 2,020 | 0 | - |
| 12. | Artis Budaya Gred B27 – Amali | 1 | 139 | 0 | - |
| 13. | Latihan Separa Perubatan Gred U29 | 1 | 42,397 | 2 | 33,555 |
| 14. | Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 | 2 | 87,168 | 2 | 86,299 |
| 15. | Pegawai Kebudayaan Gred B41 – Bertulis | 1 | 417 | 0 | - |
| 16. | Pegawai Kebudayaan Gred B41 – Amali | 1 | 191 | 0 | - |
| 17. | Pegawai Kebudayaan Gred B27 – Bertulis | 1 | 2,713 | 0 | - |
| 18. | Pegawai Kebudayaan Gred B27 – Amali | 1 | 373 | 0 | - |
| 19. | Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 - Bertulis | 1 | 3,142 | 1 | 2,027 |
| 20. | Penolong Pegawai Kaw.Trafik Udara Gred A29 - Bertulis | 0 | - | 1 | 2,123 |
| 21. | Penolong Pegawai Kaw.Trafik Udara Gred A29 - Amali | 0 | - | 1 | 500 |

| BIL | PEPERIKSAAN BERTULIS/AMALI/PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA | TAHUN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2007 | | 2008 | |
| | | KEKERAPAN | CALON LAYAK | KEKERAPAN | CALON LAYAK |
| 22. | Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 - Bertulis | 0 | - | 2 | 2,672 |
| 23. | Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 - Amali | 0 | - | 1 | 189 |
| 24. | Penerbit Rancangan Gred B41 - Bertulis | 1 | 1,305 | 1 | 1,422 |
| 25. | Penerbit Rancangan Gred B41 - Amali | 1 | 377 | 1 | 205 |
| 26. | Penerbit Rancangan Gred B27 - Bertulis | 1 | 1,134 | 1 | 1,289 |
| 27. | Penerbit Rancangan Gred B27 - Amali | 1 | 377 | 1 | 330 |
| 28. | Penerbit Rancangan Gred B17 - Bertulis | 0 | - | 1 | 1,853 |
| 29. | Penerbit Rancangan Gred B17 - Amali | 0 | - | 1 | 470 |
| 30. | Pereka Gred B41 - Bertulis | 0 | - | 1 | 218 |
| 31. | Pereka Gred B27 - Bertulis | 0 | - | 1 | 252 |
| 32. | Pereka Gred B17 | 0 | - | 0 | - |
| 33. | Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 | 1 | 37,101 | 0 | - |
| 34. | 14 Skim Perkhidmatan Gred 41 | 1 | 82,015 | 2 | 115,124 |
| 35. | Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 - Bertulis | 0 | - | 1 | 3,238 |
| 36. | Pegawai Keselamatan Gred KP41 | 1 | 92 | 1 | 414 |
| 37. | Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27 | 1 | 662 | 0 | - |
| 38. | Pembantu Keselamatan Gred KP17 | 1 | 2,807 | 0 | - |
| 39. | Pegawai Penguatkuasa Gred N41 | 1 | 31 | 2 | 1,224 |
| 40. | Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27 | 0 | - | 2 | 3,902 |
| 41. | Pegawai Penguatkuasa Gred KP41 | 0 | - | 0 | - |
| 42. | Leftenan Maritim Gred X17 | 1 | 1,349 | 1 | 858 |
| 43. | Penguasa Bomba Gred KB41 | 0 | - | 1 | 381 |
| 44. | Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 | 0 | - | 2 | 2,011 |

| BIL | PEPERIKSAAN BERTULIS/AMALI/PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA | TAHUN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2007 | | 2008 | |
| | | KEKERAPAN | CALON LAYAK | KEKERAPAN | CALON LAYAK |
| 45. | Pegawai Bomba Gred KB17 | 0 | - | 1 | 6,417 |
| 46. | Penguasa Penjara Gred KX41 | 1 | 175 | 1 | 534 |
| 47. | Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 | 3 | 3,099 | 1 | 2,501 |
| 48. | Pegawai Penjara Gred KX17 | 1 | 19,251 | 1 | 35,545 |
| 49. | Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41 | 0 | - | 0 | - |
| 50. | Penolong Pegawai Pertahanan Awam Gred KP27 | 0 | - | 0 | - |
| 51. | Pembantu Pertahanan Awam Gred KP17 | 1 | 3,759 | 1 | 10,721 |
| 52. | Penolong Pegawai Kesatria Gred S27 | 0 | - | 1 | 167 |
| 53. | Pembantu Kesatria Gred S17 | 0 | - | 1 | 364 |
| JUMLAH | | 41 | 311,677 | 47 | 379,129 |

Peperiksaan Bertulis/Amali

Pemeriksaan Fizikal dan Pancaindera

Sepanjang tahun 2008, seramai 178,792 orang calon telah hadir peperiksaan dan hanya 78,589 orang calon lulus dan dipanggil menghadiri temu duga atau *Assessment Centre*. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 13.**

**JADUAL 13**
**URUSAN PEPERIKSAAN BERTULIS/AMALI/PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA TAHUN 2008**

| BIL | PEPERIKSAAN BERTULIS/AMALI/PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA | TARIKH | JUMLAH CALON | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | LAYAK | HADIR | LULUS |
| 1. | Pereka Gred B41 - Bertulis | 14 - 15 Januari | 218 | 97 | 33 |
| 2. | Pereka Gred B27 - Bertulis | 16 - 17 Januari | 252 | 105 | 36 |
| 3. | Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara A29-Bertulis | 21 Januari | 2,123 | 1,378 | 500 |
| 4. | Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 - Bertulis | 22 Januari | 1,106 | 471 | 189 |
| 5. | Penerbit Rancangan Gred B17 - Bertulis | 5 Februari | 1,853 | 898 | 470 |
| 6. | Pegawai Tadbir dan Diplomatik Bil 1/2008 - Bertulis | 16 Februari | 37,785 | 15,230 | 4206 |
| 7. | Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 - Amali | 17 Mac | 189 | 154 | 104 |
| 8. | Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara A29-Amali | 18 - 19 Mac | 500 | 428 | 224 |
| 9. | Skim 14 Jawatan Gred 41 | 5 April | 80,896 | 38,007 | 29,966 |
| 10. | Latihan Separa Perubatan Gred U29 - Bertulis 1/2008 | 21 April - 9 Mei | 19,675 | 11,055 | 9,692 |
| 11. | Penerbit Rancangan Gred B17 - Amali | 14 -17 April | 470 | 396 | 212 |
| 12. | Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 - Bertulis | 15 Mei | 2,027 | 738 | 348 |
| 13. | Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) - Bertulis | 20 - 29 Mei | 3,238 | 930 | 566 |
| 14. | Ahli Fotografi Gred B17- Bertulis | 28 Mei | 1,174 | 523 | 229 |
| 15. | Penerbit Rancangan Gred B41 - Bertulis | 10 Jun | 1,422 | 746 | 205 |
| 16. | Penerbit Rancangan Gred B27 - Bertulis | 11 Jun | 1,289 | 685 | 330 |
| 17. | Ahli Fotografi Gred B27 - Bertulis | 7 Julai | 154 | 68 | 28 |
| 18. | Ahli Fotografi Gred B17- Amali | 7 Ogos | 229 | 177 | 33 |
| 19. | Pegawai Tadbir dan Diplomatik M41-Bertulis 2/2008 | 23 Ogos | 48,514 | 21,068 | 3,579 |

| BIL | PEPERIKSAAN BERTULIS/AMALI/PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA | TARIKH | JUMLAH CALON | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | LAYAK | HADIR | LULUS |
| 20. | Skim 14 Jawatan Gred 41 - Bertulis | 23 Ogos | 34,228 | 15,203 | 1,995 |
| 21. | Penerbit Rancangan Gred B27 - Amali | 25 - 28 Ogos | 330 | 285 | 92 |
| 22. | Penerbit Rancangan Gred B41- Amali | 27- 28 Ogos | 205 | 180 | 93 |
| 23. | Ahli Fotografi Gred B27 - Amali | 8 September | 28 | 24 | 10 |
| 24. | Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 - Bertulis | 4 November | 1,566 | 610 | 420 |
| 25. | Latihan Separa Perubatan Gred U29 - Bertulis 2/2008 | 27 Oktober - 21 November | 13,880 | 6,790 | 6,321 |
| 26. | Pembantu Penguatkuasa Gred N17 - KPDNHEP | 13 - 31 Januari | 4,517 | 1,355 | 1,009 |
| 27. | Pegawai Penjara Gred KX17 | 27 Januari - 7 Mac | 35,545 | 16,164 | 756 |
| 28. | Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 | 15 - 25 April | 431 | 236 | 152 |
| 29. | Penguasa Penjara Gred KX41 | 29 April - 9 Mei | 534 | 152 | 72 |
| 30. | Pegawai Bomba Gred KB17 | 16 Mac - 4 April | 6,417 | 2,096 | 1,756 |
| 31. | Pembantu Penguatkuasa Gred N17 - JPJ | 30 Mac -18 April | 25,587 | 14,411 | 954 |
| 32. | Laskar Kelas II Maritim Gred X1 | 20 Mei - 6 Jun | 6,092 | 1,570 | 932 |
| 33. | Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 | 27 Mei - 6 Jun | 2,501 | 1,059 | 530 |
| 34. | Leftenan Muda Maritim Gred X13 | 25 - 26 Jun | 646 | 244 | 78 |
| 35. | Leftenan Maritim Gred X17 | 23 - 26 Jun | 858 | 271 | 51 |
| 36. | Pembantu Pertahanan Awam Gred KP17 | 22 Jun - 11 Julai | 10,721 | 7,341 | 3,089 |
| 37. | Pegawai Keselamatan Gred KP41 | 14 - 16 Julai | 414 | 171 | 96 |
| 38. | Pegawai Penguatkuasa Gred N41 - KPDNHEP | 15 - 16 Julai | 396 | 162 | 106 |
| 39. | Penguasa Bomba Gred KB41 | 5 - 7 Ogos | 381 | 143 | 70 |
| 40. | Pegawai Penguatkuasa Gred N41 - JPJ | 11 - 15 Ogos | 828 | 295 | 90 |
| 41. | Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27 - JPJ | 11 - 15 Ogos | 3,027 | 1,370 | 495 |
| 42. | Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27 - KDN | 11 - 14 Ogos | 875 | 301 | 139 |

| BIL | PEPERIKSAAN BERTULIS/AMALI/PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA | TARIKH | JUMLAH CALON | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | LAYAK | HADIR | LULUS |
| 43. | Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 | 25 - 28 Ogos | 1,580 | 877 | 414 |
| 44. | Pembantu Penguasa Kastam Gred W17 | 10 - 29 Ogos | 18,663 | 12,450 | 7,596 |
| 45. | Pembantu Kesatria Gred S17 | 15 - 18 Ogos | 364 | 96 | 56 |
| 46. | Laskar Kelas II Maritim Gred X1 | 10 - 21 November | 5,234 | 1,713 | 248 |
| 47. | Penolong Pegawai Kesatria Gred S27 | 17 - 19 November | 167 | 69 | 19 |
| JUMLAH | | | 379,129 | 178,792 | 78,589 |

Peperiksaan Bertulis/Amali

Pemeriksaan Fizikal dan Pancaindera





Pemeriksaan Fizikal dan Pancaindera



Peperiksaan Bertulis

## PROGRAM *ASSESSMENT CENTRE*

Program ***Assessment Centre*** merupakan satu kaedah penapisan calon untuk menentukan kesesuaian calon dari segi perilaku, penampilan, keyakinan diri, kerja berpasukan, kepemimpinan, dan komunikasi. Sehingga tahun 2008, sebanyak dua skim jawatan telah mensyaratkan calon menghadiri program tersebut sebelum mereka layak untuk dipanggil ke peringkat temu duga iaitu bagi jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 dan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41. Bagi jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 pusat penilaiannya dikenali sebagai PTD *Assessment Centre* (PAC) manakala jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 dikenali sebagai Pusat Penilaian JAKIM (PPJ).

Peperiksaan Khas Memasuki Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2008 iaitu pada 16 Februari 2008 dan 23 Ogos 2008. Bagi kedua-dua peperiksaan tersebut seramai 86,299 orang layak mendudukinya dan seramai 7,785 orang telah lulus.

Peperiksaan Khas Memasuki Perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 telah diadakan pada 15 Mei 2008. Seramai 2,027 orang layak mengambil peperiksaan tersebut, dan dari jumlah tersebut seramai 738 orang calon telah hadir. Jumlah calon yang telah lulus peperiksaan ialah seramai 348 orang. Seramai 117 orang calon telah lulus PPJ dan dipanggil temu duga. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 14.**

**JADUAL 14**
**URUSAN PTD ASSESSMENT CENTRE (PAC) DAN PUSAT PENILAIAN JAKIM (PPJ)**
**TAHUN 2008**

| Jawatan | Bil. Peperiksaan | Peperiksaan | | | Lulus Assessment Centre | Temu Duga | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Panggil | Hadir | Lulus | | Panggil | Hadir | Berjaya |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik | 1/2008 | 37,785 | 15,230 | 4,206 | 678 | 678 | 656 | 293 |
| | 2/2008 | 48,514 | 21,068 | 3,579 | 1,575 | Temu duga dijadualkan pada tahun 2009 | | |
| Pegawai Hal Ehwal Islam | 1/2008 | 2,027 | 738 | 348 | 117 | Temu duga dijadualkan pada tahun 2009 | | |



# URUSAN PERKHIDMATAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya seperti berikut:

- pengesahan pelantikan;
- pengesahan dalam perkhidmatan;
- pelanjutan tempoh percubaan;
- pemberian taraf berpencen;
- kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu;
- pembatalan tawaran pelantikan;
- penamatan perkhidmatan;
- pertukaran perkhidmatan; dan
- penetapan gaji permulaan.

Jumlah keseluruhan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya pada tahun 2008 adalah sebanyak 80,658 urusan.

- **Pengesahan Pelantikan**

Pengesahan pelantikan adalah satu proses untuk mengesahkan pelantikan calon yang menerima sesuatu tawaran jawatan dan telah memenuhi syarat-syarat dalam tawaran pelantikan. Maklumat Pengesahan Pelantikan adalah seperti **Jadual 15.**

**JADUAL 15**
**PENGESAHAN PELANTIKAN TAHUN 2007 - 2008**

| PERKHIDMATAN | 2007 | | | 2008 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH |
| Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 4,923 | 17,653 | 22,576 | 5,924 | 25,867 | 31,791 |
| Jumlah Keseluruhan | 4,923 | 17,653 | 22,576 | 5,924 | 25,867 | 31,791 |

- **Pengesahan Dalam Perkhidmatan**

Seseorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan mendapat sokongan Ketua Jabatan layak disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 27(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan untuk 24,692 orang pegawai pada tahun 2008 berbanding 20,959 orang pegawai pada tahun 2007, dengan pertambahan sebanyak 2,188 orang. Pecahan urusan pengesahan dalam perkhidmatan bagi tahun 2007 dan tahun 2008 adalah seperti **Jadual 16.**

**JADUAL 16**
**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN TAHUN 2007 - 2008**

| PERKHIDMATAN | 2007 | | | 2008 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH |
| Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 3,876 | 16,932 | 20,808 | 4,599 | 19,905 | 24,504 |
| Perkhidmatan Awam Negeri: | | | | | | |
| (i) Melaka | 4 | 22 | 26 | - | 26 | 26 |
| (ii) Pulau Pinang | 9 | 47 | 56 | - | 50 | 50 |
| (iii) Negeri Sembilan | 7 | 60 | 67 | 5 | 86 | 91 |
| (iv) Perlis | - | 2 | 2 | - | 21 | 21 |
| Jumlah | 20 | 131 | 151 | 5 | 183 | 188 |
| **Jumlah Keseluruhan** | 3,896 | 17,063 | 20,959 | 4,604 | 20,088 | 24,692 |

- **Pelanjutan Tempoh Percubaan**

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak lulus peperiksaan atau belum hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan atau tidak mendapat perakuan sokongan daripada Ketua Jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaan sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 28(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2008, seramai 1,356 orang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya telah diberi pelanjutan tempoh percubaan berbanding 1,503 orang pegawai pada tahun 2007. Maklumat pelanjutan tempoh percubaan adalah seperti **Jadual 17.**

**JADUAL 17**
**PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN TAHUN 2007 - 2008**

| PERKHIDMATAN | 2007 | | | 2008 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH |
| Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 147 | 1,324 | 1,471 | 249 | 1,084 | 1,333 |
| Perkhidmatan Awam Negeri: | | | | | | |
| (i) Melaka | - | 11 | 11 | - | 3 | 3 |
| (ii) Pulau Pinang | - | 14 | 14 | - | 1 | 1 |
| (iii) Negeri Sembilan | - | 4 | 4 | - | 17 | 17 |
| (iv) Perlis | - | 3 | 3 | - | 2 | 2 |
| Jumlah | - | 32 | 32 | - | 23 | 23 |
| **Jumlah Keseluruhan** | 147 | 1,356 | 1,503 | 249 | 1,107 | 1,356 |

- **Pemberian Taraf Berpencen**

Seseorang pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan, tidak bersetuju memilih opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah berkhidmat selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 36(1) dan (2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 17,072 orang pegawai dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis berbanding 17,262 orang pegawai pada tahun 2007. Pecahan urusan pemberian taraf berpencen bagi tahun 2007 dan tahun 2008 adalah seperti **Jadual 18.** Urusan pemberian taraf berpencen kepada pegawai Kumpulan Sokongan seperti di Jadual adalah melibatkan Kumpulan Sokongan I sahaja. Bagi Kumpulan Sokongan II, urusan pemberian taraf berpencen adalah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan di bawah kuasa yang diwakilkan oleh Suruhanjaya dan tidak ditunjukkan di Jadual.

**JADUAL 18**
**PEMBERIAN TARAF BERPENCEN TAHUN 2007 - 2008**

| PERKHIDMATAN | 2007 | | | 2008 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH |
| Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 2,313 | 14,773 | 17,086 | 3,701 | 13,116 | 16,817 |
| Perkhidmatan Awam Negeri: | | | | | | |
| (i) Melaka | - | 54 | 54 | - | 42 | 42 |
| (ii) Pulau Pinang | - | 58 | 58 | - | 66 | 66 |
| (iii) Negeri Sembilan | - | 62 | 62 | - | 128 | 128 |
| (iv) Perlis | - | 2 | 2 | - | 19 | 19 |
| Jumlah | - | 176 | 176 | - | 255 | 255 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **2,313** | **14,949** | **17,262** | **3,701** | **13,371** | **17,072** |

- **Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu**

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain dengan syarat ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan dan persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan diperolehi. Pada tahun 2008 terdapat tujuh kes pegawai yang dikembalikan ke dalam skim perkhidmatan terdahulu, berbanding dengan lima kes pada tahun 2007.

- **Pembatalan Tawaran Pelantikan**

Seseorang calon yang gagal memenuhi syarat tawaran pelantikan, iaitu samada disebabkan oleh keadaan kesihatan yang tidak memuaskan atau membuat akaun berkanun palsu boleh dibatalkan tawaran pelantikannya mengikut Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah membatalkan tawaran pelantikan 37 orang pegawai.

- **Notis Penamatan Perkhidmatan**

Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan di bawah Peraturan 46 atau 47, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 melainkan jika pegawai itu telah diberi peluang untuk menunjukkan sebab, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab, mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah mengeluarkan notis tunjuk sebab kepada 80 orang pegawai bagi menamatkan perkhidmatan mereka.

- **Penamatan Perkhidmatan**

Pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam mestilah sihat dan tidak menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya, tidak membuat akuan berkanun palsu, menandatangani Surat Aku Janji, tidak memalsukan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan pelantikannya dan lulus tapisan keselamatan, jika disyaratkan. Pegawai yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 46, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Bagi pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan selepas tamat tempoh percubaan mereka kerana gagal memenuhi syarat pengesahan yang ditetapkan, juga boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 47(1), Peraturan-peratura yang sama.

Suruhanjaya telah menamatkan perkhidmatan 52 orang pegawai pada tahun 2008 dan 44 orang pegawai pada tahun 2007. Maklumat adalah seperti **Jadual 19.**

**JADUAL 19**
**KES PENAMATAN PERKHIDMATAN TAHUN 2007 - 2008**

| BIL. | SEBAB PENAMATAN PERKHIDMATAN | 2007 | | | 2008 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH | PENGURUSAN & PROFESIONAL | SOKONGAN | JUMLAH |
| 1 | Tidak mendapat sokongan perakuan daripada Ketua Jabatan | - | 2 | 2 | 3 | 24 | 27 |
| 2 | Membuat akuan palsu dalam akuan berkanun | - | 3 | 3 | - | 2 | 2 |
| 3 | Tidak lulus peperiksaan yang ditetapkan | - | 24 | 24 | 3 | 19 | 22 |
| 4 | Prestasi/Tatakelakuan | - | 15 | 15 | - | - | - |
| **JUMLAH** | | **-** | **44** | **44** | **6** | **45** | **51** |

- **Pertukaran**

Pertukaran yang diuruskan oleh Suruhanjaya melibatkan:

1) Pertukaran seseorang pegawai dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya;

2) Pertukaran seseorang pegawai dari Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain dan pegawai badan berkanun ke Perkhidmatan Awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya; dan

3) Pelepasan seseorang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain.

Pertukaran ini dilaksanakan mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2007, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 melalui kaedah berikut:

1) Pertukaran perkhidmatan;
2) Pertukaran pelantikan;
3) Pelantikan secara pertukaran sementara;
4) Pelantikan secara peminjaman;
5) Pelantikan secara pertukaran tetap perkhidmatan; dan
6) Pelepasan dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

## Pertukaran Perkhidmatan

Pertukaran seseorang pegawai ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama dan berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama di bawah Ketua Perkhidmatan yang berlainan dengan persetujuan Ketua Jabatan asal pegawai dan Ketua Jabatan agensi penerima. Alasan yang boleh dijadikan asas pertimbangan Suruhanjaya dalam meluluskan pertukaran perkhidmatan seseorang pegawai adalah seperti berikut:

1) faktor perikemanusiaan seperti mengikuti suami atau isteri; menjaga ibu bapa atau ahli keluarga yang uzur; atau sebab kesihatan; atau (arahan Kerajaan yang memerlukan pegawai bertugas di agensi awam yang tidak membolehkan beliau ditempatkan secara pertukaran biasa); atau

2) perkhidmatan, kemahiran, kepakaran atau pengalaman pegawai sangat diperlukan oleh agensi penerima; dan

3) tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai sedia ada di agensi penerima jika pertukaran pelantikan melibatkan jawatan kenaikan pangkat.

Kelulusan pertukaran perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya adalah mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005. Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah meluluskan 93 pertukaran perkhidmatan berbanding dengan 58 pertukaran pada tahun 2007. Maklumat pertukaran perkhidmatan adalah seperti Jadual 20.

**JADUAL 20**
**PERTUKARAN PERKHIDMATAN TAHUN 2007 - 2008**

| BIL | PERKHIDMATAN | 2007 | 2008 |
|---|---|---|---|
| 1 | Dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 46 | 69 |
| 2 | Dari Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 12 | 24 |
| JUMLAH | | 58 | 93 |

## Pertukaran Pelantikan Atas Permohonan Sendiri

Pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dilaksanakan bagi membolehkan seseorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu. Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kriteria-kriteria serta syarat-syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan sahaja akan dipertimbangkan.

Urusan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002. Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah meluluskan 141 pertukaran perlantikan berbanding dengan 41 pertukaran perlantikan pada tahun 2007.

## Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen

Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bermaksud perpindahan seseorang pegawai dari satu skim perkhidmatan yang sama atau berlainan yang timbul akibat pembubaran atau pemansuhan jawatan yang perlu dibuat melalui opsyen. Pegawai yang menolak tawaran pertukaran pelantikan hendaklah dibersarakan di bawah Seksyen 10(5)(b) atau 10(5)(c) Akta Pencen 1980 (bagi pegawai berpencen) atau ditamatkan perkhidmatan (bagi pegawai tidak berpencen).

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah meluluskan pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen kepada 3,076 orang pegawai berbanding 9,178 orang pegawai pada tahun 2007. Penurunan/peningkatan pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen adalah bergantung kepada pekeliling-pekeliling daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Maklumat pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti **Jadual 21.**

**JADUAL 21**
**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN TAHUN 2007 - 2008**

| BIL. | JENIS PERTUKARAN | 2007 | 2008 |
|---|---|---|---|
| 1 | Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 9,178 | 3,076 |
| JUMLAH | | 9,178 | 3,076 |

## Pelantikan Secara Pertukaran Sementara

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai ke perkhidmatan yang lain di bawah perenggan (a), (b), (c), (d) dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah pihak berkuasa melantik yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan terdahulunya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah meluluskan 360 perakuan pelantikan secara pertukaran sementara pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan bagi mengisi jawatan di Kementerian/Jabatan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya, berbanding 256 perakuan pada tahun 2007.

## Pemendekan Pertukaran Sementara

Pemendekan pertukaran sementara adalah proses memendekkan tempoh kelulusan pertukaran sementara pegawai. Pemendekan pertukaran sementara ini dilaksanakan samada atas permohonan pegawai atau atas perakuan Ketua Jabatan berdasarkan sebab-sebab tertentu seperti kenaikan pangkat pegawai di jawatan hakiki yang lebih tinggi daripada pangkat jawatan pertukaran sementara, dan sebagainya. Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah meluluskan 72 pemendekan pertukaran sementara.

## Pelarasan Gaji Pertukaran Sementara

Pelarasan gaji pertukaran sementara adalah proses menyelaraskan gaji pegawai yang dilantik secara pertukaran sementara berikutan kenaikan gaji di jawatan hakiki pegawai selepas tarikh kelulusan pertukaran sementara.

Urusan pelarasan gaji pertukaran sementara ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008. Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah meluluskan 81 pelarasan gaji pertukaran sementara.

## Pelantikan Secara Peminjaman

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan seseorang pegawai perkhidmatan di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan ke perkhidmatan di bawah perenggan (g) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

## Pertukaran Tetap Perkhidmatan

Pertukaran tetap perkhidmatan ialah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam di mana dengan pelantikan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap.

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah meluluskan 13 pertukaran tetap perkhidmatan pegawai. Maklumat mengenai pelantikan secara pertukaran sementara, pemendekan pertukaran sementara, pelarasan gaji pertukaran sementara, peminjaman dan pertukaran tetap perkhidmatan bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti **Jadual 22.**

**JADUAL 22**
**PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA, PEMENDEKAN PERTUKARAN SEMENTARA, PELARASAN GAJI PERTUKARAN SEMENTARA, PEMINJAMAN, PERTUKARAN TETAP PERKHIDMATAN TAHUN 2007 - 2008**

| BIL. | JENIS PERKHIDMATAN | 2007 | 2008 |
|---|---|---|---|
| 1 | Pelantikan Secara Pertukaran Sementara | 256 | 360 |
| 2 | Pemendekan Pertukaran Sementara | - | 72 |
| 3 | Pelarasan Gaji Pertukaran Sementara | - | 81 |
| 4 | Pelantikan Secara Peminjaman | 50 | 73 |
| 5 | Pertukaran Tetap Perkhidmatan | | |
| | i) Pelantikan secara pertukaran Sementara ke Perkhidmatan Tetap | 11 | 9 |
| | ii) Pelantikan secara peminjaman ke Perkhidmatan Tetap | - | 4 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **317** | **599** |

## Pelepasan Untuk Peminjaman Dan Pertukaran Pelantikan

Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus.

Pelepasan untuk pertukaran pelantikan bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk bertukar pelantikan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah lain yang ditetapkan.

Suruhanjaya telah meluluskan 106 permohonan di mana 105 permohonan pelepasan untuk peminjaman dan satu melibatkan pelepasan untuk pertukaran pelantikan pada tahun 2008. Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah meluluskan 114 permohonan, di mana 112 permohonan bagi pelepasan untuk peminjaman dan dua permohonan bagi pelepasan untuk pertukaran pelantikan. Maklumat pelepasan untuk peminjaman dan pertukaran pelantikan bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti **Jadual 23.**

**JADUAL 23**
**PELEPASAN UNTUK PEMINJAMAN DAN PERTUKARAN PELANTIKAN TAHUN 2007 - 2008**

| BIL. | URUSAN | 2007 | 2008 |
|---|---|---|---|
| 1 | Pelepasan untuk peminjaman | 112 | 105 |
| 2 | Pelepasan untuk pertukaran pelantikan | 2 | 1 |
| | JUMLAH | 114 | 106 |

## Penetapan Gaji Permulaan

Penetapan gaji permulaan seseorang pegawai dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan berikut:

- seseorang pegawai yang dilantik bagi kali pertama ke dalam perkhidmatan awam akan dibayar gaji permulaan dalam tangga gaji jawatan skim perkhidmatan yang dimasukinya;
- pegawai yang telah disahkan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, gaji permulaan pegawai itu hendaklah pada suatu mata gaji yang lebih tinggi seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 23(5), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005; dan
- pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang releven itu seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 23(2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah meluluskan 1,622 urusan penetapan gaji permulaan pegawai Perkhidmatan Awam berdasarkan kepada Peraturan 23(2) dan 23(5), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Maklumat penetapan gaji permulaan bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti **Jadual 24.**

**JADUAL 24**
**PENETAPAN GAJI PERMULAAN TAHUN 2007 - 2008**

| BIL. | URUSAN | 2007 | 2008 |
|---|---|---|---|
| 1 | Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut Peraturan 23(5), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. | 878 | 912 |
| 2 | Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta mengikut Peraturan 23(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. | 342 | 710 |
| | JUMLAH | 1,220 | 1,622 |

LAPORAN TAHUNAN 2008

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



# URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN TATATERTIB

## KENAIKAN PANGKAT

Berdasarkan peruntukan undang-undang, khususnya Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat bagi perkhidmatan yang berkaitan, hampir semua aspek urusan kenaikan pangkat dijalankan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Kenaikan Pangkat bagi:

- kenaikan pangkat ke jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang melibatkan Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam; dan
- kenaikan pangkat pegawai dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu yang melibatkan proses kenaikan pangkat dari satu gred ke satu gred yang lebih tinggi dalam kumpulan perkhidmatan yang berlainan.

Sepanjang tahun 2008, Suruhanjaya telah menjalankan tiga urusan kenaikan pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat dan 9 urusan kenaikan pangkat bersepadu seperti di **Jadual 25.**

**JADUAL 25**
**URUSAN KENAIKAN PANGKAT TAHUN 2007 - 2008**

| BIL. | URUSAN | 2007 (BIL. PEGAWAI) | 2008 (BIL. PEGAWAI) |
|---|---|---|---|
| 1. | Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, PTD Gred Utama Turus II ke jawatan PTD Gred Utama Turus I | 1 | 1 |
| 2. | Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bekas Ketua Pengarah Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya, Gred Utama Turus II | 1 | 1 |
| 3. | Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Ketua Pengarah Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya, Gred Utama Turus III | 1 | 1 |
| 4. | Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Bersepadu bagi jawatan Jururawat Gred U29/U36 ke Gred U42 di Kementerian Pertahanan | 3 | 2 |
| 5. | Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Bersepadu bagi Leftenan Muda Maritim Gred X16 ke Gred X18 | - | 45 |
| 6. | Pemangkuan Pembantu Perubatan Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu) | - | 83 |
| 7. | Pemangkuan Jururawat Kesihatan Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu) | - | 234 |
| 8. | Kenaikan Pangkat Leftenan Muda Maritim Gred X16 ke Gred X18 (Skim Perkhidmatan Bersepadu) | - | 26 |
| 9. | Pemangkuan Juru X-Ray Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu) | - | 50 |
| 10. | Pemangkuan Penguasa Imigresen Gred KP41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu) | - | 25 |
| 11. | Pemangkuan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu) | - | 45 |
| 12. | Pemangkuan Pegawai Kebudayaan Gred B41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu) | - | 14 |
| | JUMLAH | 6 | 527 |

## RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya juga berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Rayuan kenaikan pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Sokongan berada di bawah bidang kuasa Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat di Jabatan Perdana Menteri.

Sepanjang tahun 2008, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan telah menimbang 46 kes yang melibatkan 121 orang pegawai berdasarkan kepada dua urusan iaitu merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (22 kes/ 59 orang pegawai) dan merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (24 kes/ 62 orang pegawai).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan 58 orang pegawai yang merayu bagi mengubah tarikh kenaikan pangkat ditolak; rayuan 19 orang pegawai yang gagal dalam urusan pemangkuan diterima, manakala bakinya seramai 43 orang pegawai, rayuannya ditolak.

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah menimbangkan 15 kes yang melibatkan 30 orang pegawai berdasarkan tiga urusan iaitu merayu kerana gagal dinaikkan pangkat (2 kes/3 orang pegawai, merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (3 kes/ 5 orang pegawai) dan merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (10 kes/ 22 orang pegawai).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan dua orang pegawai yang gagal dinaikkan pangkat ditolak, lima orang pegawai yang merayu bagi mengubah tarikh kenaikan pangkat juga ditolak dan lapan orang pegawai yang gagal dalam urusan pemangkuan diterima rayuan mereka, manakala bakinya seramai empat belas orang pegawai ditolak. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 26.**

**JADUAL 26**
**URUSAN RAYUAN KENAIKAN PANGKAT/PEMANGKUAN TAHUN 2007 - 2008**

| | | TAHUN 2007 | | | | TAHUN 2008 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| BIL. | URUSAN | BIL. KES | BIL. PEGAWAI | KEPUTUSAN | | BIL. KES | BIL. PEGAWAI | KEPUTUSAN | |
| | | | | Terima | Tolak | | | Terima | Tolak |
| 1. | Merayu kerana gagal dinaikkan pangkat | 2 | 3 | 1 | 2 | - | - | - | - |
| 2. | Merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat | 3 | 5 | - | 5 | 22 | 59 | 1 | 58 |
| 3. | Merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan | 10 | 22 | 8 | 14 | 24 | 62 | 19 | 43 |
| JUMLAH BESAR | | 15 | 30 | 9 | 12 | 46 | 121 | 20 | 101 |

## KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang, khususnya Peraturan Lembaga Tatatertib yang berkaitan, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan

- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesion dan Kumpulan Sokongan dalam Perkhidmatan Awam bagi Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Sepanjang tahun 2008, Suruhanjaya telah memutuskan 24 kes tindakan tatatertib berbanding 12 kes pada tahun 2007. Maklumat lanjut kes tindakan tatatertib adalah seperti **Jadual 27 .**

**JADUAL 27**
**KES TINDAKAN TATATERTIB TAHUN 2007 - 2008**

| BIL. | JENIS KESALAHAN | 2007 | 2008 |
|---|---|---|---|
| 1. | Tidak hadir bertugas | 10* | 14** |
| 2. | Sabitan Mahkamah | 1 | 1 |
| 3. | Tatakelakuan | 1 | 9 |
| | JUMLAH | 12 | 24 |

Nota : * dua (2) kes melibatkan pewartaan bagi kes tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan
** empat (4) kes melibatkan pewartaan bagi kes tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan

- **Tahan Kerja**

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah menahan kerja 10 orang pegawai yang sedang menghadapi prosiding jenayah di mahkamah berbanding 11 orang pegawai pada tahun 2007. Maklumat lanjut kes tahan kerja adalah seperti **Jadual 28.**

**JADUAL 28**
**PEGAWAI YANG DIKENAKAN TAHAN KERJA TAHUN 2007 - 2008**

| BIL. | JENIS KESALAHAN | 2007 | 2008 |
|---|---|---|---|
| 1. | Rasuah | 10 | 8 |
| 2. | Jenayah | - | 2 |
| 3. | Syariah *(Khalwat)* | 1 | - |
| | JUMLAH | 11 | 10 |

- Gantung Kerja

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah menggantung kerja 2 orang pegawai yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah berbanding 6 orang pegawai pada tahun 2007. Maklumat lanjut seperti **Jadual 29.**

**JADUAL 29**
**PEGAWAI YANG DIKENAKAN GANTUNG KERJA TAHUN 2007 - 2008**

| BIL. | JENIS KESALAHAN | 2007 | 2008 |
|---|---|---|---|
| 1. | Rasuah | 5 | 1 |
| 2. | Syariah *(Khalwat)* | 1 | - |
| 3. | Dadah | - | 1 |
| JUMLAH | | 6 | 2 |

## LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB

Suruhanjaya juga berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- Rayuan daripada semua kumpulan pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan dan Perlis, yang dikenakan hukuman tatatertib oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan atau pentadbiran negeri yang berkenaan; dan
- Rayuan daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang yang telah dikenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat serta rayuan daripada pegawai Kumpulan Sokongan II dalam perkhidmatan awam tersebut, yang telah dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh Lembaga Tatatertib di pentadbiran negeri berkenaan.

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah memutuskan 260 kes rayuan tatatertib berbanding 156 kes pada tahun 2007. Maklumat lanjut kes rayuan tatatertib adalah seperti **Jadual 30.**

**JADUAL 30**
**KES RAYUAN TATATERTIB TAHUN 2007 - 2008**

| TAHUN | KES PEGAWAI DIBEBASKAN | KES DIRINGANKAN HUKUMAN | KES DITOLAK | KES REMIT | JUMLAH KES |
|---|---|---|---|---|---|
| 2007 | 7 | 2 | 139 | 8 | 156 |
| 2008 | 15 | 3 | 242 | - | 260 |



# AKTIVITI-AKTIVITI SURUHANJAYA

## Mesyuarat Suruhanjaya

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah mengadakan 41 kali mesyuarat. Sebanyak 2,322 Kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 56 Kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat. Mesyuarat Khas Suruhanjaya pula telah diadakan sebanyak dua kali dengan 18 kertas pertimbangan.

Mesyuarat Khas Suruhanjaya ini bertujuan membincangkan perkara dasar dan cadangan penambahbaikan urusan Suruhanjaya seperti pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib. Mesyuarat ini telah diadakan di Persada Johor, Johor Bahru pada 13 Mei 2008 dan Hotel Equatorial, Cameron Highlands, Pahang pada 12 November 2008.



Mesyuarat Suruhanjaya di Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan, Bangi, Selangor pada 28 Julai 2008

## Mesyuarat Lembaga Rayuan

Suruhanjaya sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah mengadakan 41 kali mesyuarat dan telah berjaya menimbangkan 270 kertas perakuan. Sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam pula, 40 kali mesyuarat telah diadakan dan telah menimbangkan 48 kertas perakuan.

## Lawatan Kerja ke Kementerian/Jabatan

Dalam usaha mempertingkatkan pengetahuan Ahli Suruhanjaya mengenai fungsi dan peranan agensi awam yang lain, Suruhanjaya telah mengadakan mesyuarat dan lawatan kerja di Jabatan Imigresen, Negeri Johor pada 14 Mei 2008, Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan, Bangi, Selangor pada 28 Julai 2008 dan Stesen MARDI, Cameron Highlands, Pahang pada 11 November 2008.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mendedahkan Ahli Suruhanjaya tentang proses kerja di jabatan berkenaan dengan mendengar taklimat mengenai perjawatan dan pengisian kekosongan di samping menjalinkan hubungan baik bersama jabatan/agensi terbabit.





Lawatan Kerja ke Jabatan Imigresen, Negeri Johor pada 14 Mei 2008





Lawatan Kerja ke Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan, Bangi, Selangor pada 28 Julai 2008



Lawatan Kerja ke Stesen MARDI, Cameron Highlands, Pahang pada 11 November 2008.





Gambar kenangan Ahli-Ahli Suruhanjaya di Persada Johor, Johor Bahru sempena Mesyuarat Khas Suruhanjaya pada 13 Mei 2008.





Y.A.B. Pehin Sri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak berucap ketika merasmikan Persidangan SPA, SPP dan SPN ke XI pada 18 Ogos 2008



Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Bin Haji Hassan, Ketua Setiausaha Negara berucap di Majlis Penutup Persidangan SPA, SPP dan SPN ke XI pada 21 Ogos 2008



Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri ke XI di Kuching, Sarawak pada 18 hingga 21 Ogos 2008



## Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia, Negeri dan Pelajaran

Persidangan ke-XI ini merupakan anjuran bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Persidangan ini telah diadakan di Damai Puri, Santubong, Kuching, Sarawak dari 18 Ogos 2008 hingga 21 Ogos 2008 bertemakan **"Perkhidmatan Awam Untuk Semua"**. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.A.B. Pehin Sri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak pada 18 Ogos 2008. Seramai 144 orang peserta telah menghadiri persidangan ini yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ahli Suruhanjaya dan Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Pelajaran dan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri serta Ahli Suruhanjaya Pasukan Polis.

Objektif persidangan adalah seperti berikut:

- Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan mengenai isu-isu yang dibincangkan;
- Membolehkan Suruhanjaya menimba amalan terbaik dan melaksanakannya ke arah pencapaian prestasi cemerlang untuk meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan; dan
- Membentuk satu budaya kerja ke arah mewujudkan usaha-usaha peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan melalui sistem pengambilan terbaik penjawat awam.

Sebanyak lapan kertas kerja telah dibentangkan di persidangan tersebut seperti berikut:

- **SESI 1:** ***"Job Matching***
  Sesi ini telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah, Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

  i) **Kertas 1: "Job Matching" - Pengalaman Jobstreet.com"**
  Oleh: Cik Chook Yuh Yng, Head of Sales Jobstreet.com Sdn. Bhd;

  ii) **Kertas 2: "Job Matching - Pengalaman Jabatan Tenaga Kerja"**
  Oleh: Encik Rahmat bin Ismail, Pengarah Perkhidmatan Pekerja,
  Jabatan Tenaga Kerja; dan

  iii) **Kertas 3: "Penggunaan Aplikasi Bursa Buruh Elektronik Dalam Urusan Pengambilan Pegawai Pengajian Pendidikan Tinggi"**
  Oleh: Y.Bhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail,
  Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

- **SESI 2 :** ***"Langkah-langkah Mengatasi Kekurangan Representasi Bukan Melayu Dalam Perkhidmatan Awam"***
  Sesi ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Ahmad bin Said, Timbalan Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan dibentangkan oleh Y.Bhg. Datin Hajah Fauziah binti Haji Mohd Ramly, Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

- **SESI 3:** ***"Improving The Effectiveness Of Job Interviews Using The Assessment Centre"***
  Sesi ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato Haji Hamzah bin Haji Drahman, Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan dibentangkan oleh Tuan Haji Jeli Bohari Biha, Pengarah Unit Pembangunan Sumber dan Kualiti, Jabatan Ketua Menteri Sarawak.

- **SESI 4:** ***"Talent Spotting In A High Performing Organisation"***
  Sesi ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Mustapha bin Saad, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak dan dibentangkan oleh Encik Hamidi Baharudin, Pengurus Kanan, Accenture, Kuala Lumpur.

- **SESI 5: "Pelaksanaan Dasar Pengambilan Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Perkhidmatan Awam"**
  Sesi ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Alias bin Abdullah, Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang dan dibentangkan oleh Cik Meme binti Zainal Rashid, Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

- **SESI 6: "Prinsip-prinsip Keadilan Asasi *(Natural Justice)* Dalam Perkara-perkara Berhubung Perkhidmatan"**
  Sesi ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Datuk Ismail bin Haji Awang Besar, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan dibentangkan oleh Y.Bhg. Datuk Hanipah binti Farikullah, Ketua Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SPA di *Putrajaya International Convention Centre (PICC)* pada 5 Mei 2008

# *Sambutan Jubli Emas*
## Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Bersempena dengan 50 tahun penubuhan SPA, beberapa aktiviti dan program telah dilaksanakan. Sambutan dimulakan dengan Majlis Perasmian Jubli Emas SPA pada 24 Januari 2008 di Dewan Perdana, *Putrajaya International Convention Centre* (PICC) yang telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak. Pada masa yang sama juga diadakan Pameran Kerjaya Sempena Sambutan Jubli Emas di Concourse, PICC yang turut disertai oleh 16 agensi Perkhidmatan Awam yang lain.

Selain di PICC, SPA juga telah mengadakan Pameran Kerjaya di Mid Valley Exhibition Centre pada 16 dan 17 Februari 2008 dan di Plaza Angsana, Johor Bahru pada 16 dan 17 Mei 2008. Ini adalah julung kali SPA menjadi tuan rumah dalam menganjurkan pameran seumpama ini. Pelbagai program telah dijalankan pada hari tersebut seperti sesi taklimat kerjaya dan "Mock Interview" iaitu persediaan dan cara-cara temu duga yang dikendalikan oleh Ahli Suruhanjaya.

SPA juga telah menganjurkan Larian Jubli Emas SPA pada 23 Februari 2008 bertempat di Putrajaya. Larian ini melibatkan Ahli Suruhanjaya dan semua anggota SPA. Acara kemuncak Sambutan Jubli Emas SPA ialah Majlis Santapan Malam yang diadakan pada 28 April 2008 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah telah berangkat ke Majlis Santapan Malam tersebut. Majlis turut dihadiri oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan, Ketua Setiausaha Negara dan Tan Sri Ismail bin Adam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam serta dif-dif kehormat yang lain.


Board Room


Board Room





Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah telah berangkat ke Majlis Santapan Malam SPA di Kuala Lumpur Convention Centre pada 28 April 2008




Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika merasmikan Sambutan Jubli Emas SPA di PICC pada 24 Januari 2008




Pameran Kerjaya di Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur pada 16 hingga17 Februari 2008



## Bengkel Teknik Temu Duga

Untuk memantapkan lagi urusan pengambilan dalam perkhidmatan awam, Suruhanjaya telah menganjurkan Bengkel Teknik Temu duga berdasarkan kompetensi (pendekatan tingkah laku) yang diadakan pada 10 hingga 11 November 2008 bertempat di Equatorial Hotel, Cameron Highlands, Pahang. Di dalam bengkel ini, Suruhanjaya didedahkan kepada teknik-teknik temu duga yang terkini bertujuan untuk mengenal pasti kesesuaian dan kebolehan calon bagi sesuatu jawatan. Melalui bengkel ini juga, Suruhanjaya telah mempelajari teknik-teknik menyediakan soalan temu duga berasaskan kepada enam kompetensi tingkah laku utama iaitu integriti, kerja berpasukan, kemahiran interpersonal, ketahanan, kemahiran sosial dan komitmen.







Bengkel Teknik Temu duga yang diadakan pada 10 hingga 11 November 2008






# BAJET

## PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2008

**Peruntukan Tanggungan**

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM7,826,900.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,327,230.94 untuk Emolumen; RM3,164,589.27 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM463,355.23 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh Akaun Awam tahun 2008 ditutup ialah RM6,955,175.44 atau 88.86%. Prestasi Perbelanjaan Tanggungan bagi tahun 2008 adalah seperti **Carta 5.**

**CARTA 5**
**PRESTASI PERBELANJAAN TANGGUNGAN TAHUN 2008**



**Peruntukan Bekalan**

Di bawah Maksud Bekalan (B05), Urus Setia Suruhanjaya telah diperuntukkan sebanyak RM46,119,000.00. Walau bagaimanapun, peruntukan sebenar tersebut telah dipinda kepada RM44,080,000.00 ekoran Waran Sekatan yang dikenakan oleh pihak Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2008 sebagai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan awam. Dari jumlah itu sebanyak RM14,063,741.92 untuk Emolumen; RM28,431,670.57 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; RM60,500.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM506,099.50 untuk Aset. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam 2008 adalah sebanyak RM43,052,511.99 atau 97.67%. Pestasi Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 2008 adalah seperti **Carta 6.**

**CARTA 6**
**PRESTASI PERBELANJAAN BEKALAN TAHUN 2008**





# PROGRAM PENAMBAHBAIKAN

## Konvensyen Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) Dan Majlis Hari Kualiti SPA 2008

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah mengadakan Konvensyen Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) pada 22 Oktober 2008 di Dewan Auditorium Jabatan Perdana Menteri. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh Setiausaha SPA, Y.Bhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo. Sebanyak (9) sembilan kumpulan yang terdiri daripada bahagian-bahagian di SPA telah mengambil bahagian pada konvensyen tersebut. Persembahan KMK tahun ini telah diadili oleh Encik Md Sulaiman Md. Ali dari Lembaga Tabung Haji Malaysia (LUTH) dan Encik Mohd Ehsan Amin dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Sementara itu, upacara penutupan rasmi Konvensyen KMK, telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Perkhidmatan SPA, Puan Lim Mooi Eia. Majlis Hari Kualiti SPA 2008 pula telah diadakan di dewan yang sama pada 23 Oktober 2008. Majlis tersebut dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Jamaluddin Bin Haji Ahmad Damanhuri, Pengerusi SPA. Acara kemuncak sambutan Hari Kualiti ialah penyampaian hadiah sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2008, Anugerah Pejabat Terbaik 2008 dan Anugerah KMK SPA 2008. Ceramah sempena Hari Kualiti pula telah disampaikan oleh Dr. HM Tuah Iskandar Al Haj yang bertajuk 'Kualiti Menjamin Perkhidmatan Cemerlang'.

Senarai penuh pemenang pertandingan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Kualiti dan Konvensyen KMK peringkat SPA tahun 2008 adalah seperti berikut:

### 1) SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT SPA

#### Pertandingan Pantun

| | |
|---|---|
| Johan: | Bahagian Pengambilan Khas<br>- Puan Noormahera binti Mohd Puzi<br>- Puan Siti Nurazira binti Sahhudin<br>- Cik Rohani binti Muhamad |
| Naib Johan: | Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib<br>- Encik Ahmad Haromain bin Hj. Othman<br>- Cik Hazwaani binti Abdul Halim<br>- Cik Maifuza binti Abdul Malik |
| Pemantun Terbaik: | Cik Rohani binti Muhamad<br>- Bahagian Pengambilan Khas |

#### Pertandingan Menulis Karangan Kreatif

| | |
|---|---|
| Johan: | Encik Salehuddin bin Md. Dahlan<br>- Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib |
| Naib Johan: | Puan Siti Nurazira binti Sahhudin<br>- Bahagian Pengambilan Khas |
| Ketiga: | Puan Radziah binti Mohd. Sharif<br>- Unit Perhubungan Korporat |

#### Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik

| | |
|---|---|
| Johan : | Puan Raudzah binti Ismail<br>- Bahagian Pengurusan |
| Naib Johan : | Puan Noor Fadilah binti Abas<br>- Bahagian Urus Setia Mesyuarat |
| Ketiga : | Encik Adri Fidla bin Mohd. Taib<br>- Bahagian Teknologi Maklumat |

## 2) KONVENSYEN KMK SPA 2008

| | |
|---|---|
| Johan: | Kumpulan Citra<br>- Bahagian Peperiksaan |
| Naib Johan: | Kumpulan Evolusi<br>- Bahagian Perkhidmatan |
| Ketiga: | Kumpulan Soyuz<br>- Bahagian Pengambilan Khas |

## 3) PERTANDINGAN PEJABAT TERBAIK SPA 2008

| | |
|---|---|
| Johan: | Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib |
| Naib Johan: | Urus Setia Cawangan Sarawak |
| Ketiga: | Bahagian Teknologi Maklumat |



Persembahan daripada Kumpulan Soyuz - Bahagian Pengambilan Khas



Persembahan daripada Kumpulan Evolusi - Bahagian Perkhidmatan




Juara KMK 2008 - Bahagian Peperiksaan



Ketibaan Y.Bhg. Tan Sri Jamaluddin Bin Hj. Ahmad Damanhuri
di Majlis Hari Kualiti SPA 2008 diiringi oleh Y.Bhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo,
Setiausaha SPA dan Puan Lim Mooi Eia, Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)



Warga SPA yang hadir di Majlis Hari Kualiti SPA 2008 pada 23 Oktober 2008

## PROGRAM YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2008

- Seramai 110 warga SPA dari pelbagai kumpulan perkhidmatan telah mengambil ujian *IT Skill Assessment Certification* (ISAC) yang disediakan oleh INTAN bagi menilai tahap kemahiran dan pengetahuan pegawai SPA di dalam penggunaan *Information and Communications Technology ( ICT);*

- Seramai 597 warga SPA telah diberikan pelbagai latihan ICT untuk mempertingkatkan kemahiran ICT warga SPA;

- Melaksanakan pemerolehan perkakasan ICT seperti Notebook, server, Personel Computer, peralatan keselamatan ICT dan pencetak bagi meningkatkan kemudahan ICT. Pada masa kini, nisbah kemudahan komputer kepada pengguna adalah lebih kurang 1 nisbah 1 sementara nisbah pengguna kepada pencetak adalah lebih kurang 5 nisbah 2. Kira-kira 95% daripada kakitangan SPA disediakan kemudahan e-mel pejabat;

- Dalam usaha meningkatkan penyampaian maklumat kepada pelanggan, SPA telah menyediakan satu sistem maklumat berkomputer di ruang lobi Blok C7 serta di Pejabat SPA Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah;

- Melaksanakan *Human Resource Management Information System* (HRMIS) untuk Modul Maklumat Peribadi dan Cuti;

- Melaksanakan penambahbaikan terhadap sistem Pengambilan Sepanjang Masa (eSMSM) dan Sistem Pemantauan Maklumat Perkhidmatan, Naik Pangkat dan Tatatertib (eSPDM);

- Melaksanakan pembangunan aplikasi Sistem Peperiksaan Berkomputer Online (SISPEK);

- Pelaksanaan integrasi sistem eSMSM dengan JobsMalaysia dan sistem eSMSM dengan MySMS di bawah inisiatif eKL; dan

- Pelaksanaan integrasi sistem eSMSM dan eSPDM dengan *Human Resource Management Information System* (HRMIS).

## PROJEK PELAKSANAAN SISTEM PEPERIKSAAN BERKOMPUTER ONLINE (SISPEK)

Projek SISPEK adalah salah satu aplikasi yang dirancang untuk dibangunkan bagi menyokong operasi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Pelan Perancangan Strategik Teknologi Maklumat SPA bagi tempoh 2006 hingga 2010. Pelaksanaan Projek SISPEK ini telah mendapat kelulusan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam mesyuarat ke-2314 (Khas). SISPEK akan dilaksanakan secara *on-line* dan menggunakan pendekatan sistem berpusat *(centralized system)*. Kajian mengenai keperluan sistem telah dikemukakan kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU) dan Perbendaharaan Malaysia dan telah mendapat kelulusan MAMPU pada 30 Julai 2007. Tender SISPEK telah pun dikeluarkan pada Disember 2007 dan perolehan sistem dan aplikasi dijangka selesai dalam tahun 2009.

## CAPAIAN PORTAL SPA

Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 8,116,565 capaian terhadap portal SPA telah direkodkan. Kemudahan urusan semakan melalui SMS oleh pelanggan merekodkan penggunaan sebanyak 277,915 tetapi hanya 32,836 dikenakan bayaran dan selebihnya adalah secara *auto-reply.*



Kumpulan Koir SPA

## PROGRAM HARI SPA BERSAMA PELANGGAN

Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah berjaya melaksanakan program Hari SPA Bersama Pelanggan seperti yang dijadualkan khususnya di Putrajaya. Pelaksanaan program di negeri-negeri dapat dilaksanakan dengan lancar seperti yang dirancangkan tertakluk pada kesesuaian tarikh dan masa kerajaan negeri berkenaan. Suruhanjaya telah mendapat kerjasama yang baik daripada kerajaan negeri di mana program dilaksanakan khususnya daripada segi persiapan, logistik dan juga jemputan.

Pada tahun 2008, Hari SPA Bersama Pelanggan di luar pejabat telah diadakan di *Putrajaya International Convention Centre* (PICC), Putrajaya, *Mid Valley Exhibition Centre,* Kuala Lumpur, Plaza Angsana Johor Bahru, Johor dan SMJK Chan Wa, Seremban, Negeri Sembilan. Sambutan yang diberikan adalah menggalakkan terutama daripada pelajar-pelajar sekolah yang berada dalam Tingkatan 5 dan Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Selain itu juga, Suruhanjaya telah menyertai Karnival Kerjaya anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, Universiti Putra Malaysia (UPM) Selangor, Kompleks Kejiranan Perbadanan Putrajaya, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi, Selangor dan juga anjuran Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia yang diadakan di *Mahkota Parade* Melaka dan di *Putra World Trade Centre* (PWTC), Kuala Lumpur.

Pada tahun 2008, Hari SPA Bersama Pelanggan telah diadakan pada hari Selasa minggu terakhir setiap bulan. Kehadiran pelanggan semasa program dilaksanakan di luar Putrajaya amat menggalakkan berbanding di Putrajaya. Orang ramai telah hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat melalui pelaksanaan 11 program Hari SPA Bersama Pelanggan yang telah diatur bagi setiap tempat diadakan program tersebut. Tarikh dan tempat diadakan program Hari SPA Bersama Pelanggan pada tahun 2008 adalah seperti **Jadual 31.**

Berikut adalah beberapa cadangan dan pandangan pelanggan yang dapat dikumpulkan sempena Hari SPA Bersama Pelanggan pada tahun 2008 seperti yang disenaraikan di bawah. Suruhanjaya akan mengambil tindakan ke atas cadangan dan pandangan tersebut ke arah penambahbaikan perkhidmatan Suruhanjaya kepada pelanggan. Antara cadangan yang diutarakan adalah seperti berikut:

- kaunter pertanyaan yang disediakan hendaklah menempatkan pegawai yang boleh membuat keputusan;
- mengadakan Hari SPA Bersama Pelanggan selama 2 hari di luar Putrajaya;
- mengadakan taklimat dan promosi di seluruh negeri khususnya di tempat yang mudah dikunjungi oleh orang ramai;
- memperluaskan hebahan dan promosi terutama di televisyen dan radio;
- memastikan para petugas sentiasa memberi layanan mesra; dan
- mengadakan temu duga terbuka semasa Hari SPA Bersama Pelanggan.

**JADUAL 31**
**TARIKH DAN TEMPAT PROGRAM HARI SPA BERSAMA PELANGGAN BAGI TAHUN 2008**

| TARIKH | TEMPAT |
|---|---|
| 24 Januari | *Putrajaya International Convention Centre* (PICC), Putrajaya |
| 4 Februari | SMK Kuala Penyu, Sabah |
| 16 & 17 Februari | *Mid Valley Exhibition Centre,* Kuala Lumpur |
| 26 & 27 Februari | Dewan Suarah, Kuching, Sarawak |
| 1 & 2 Mac | *Sibu Trade Exhibition Centre,* Sibu, Sarawak |
| 4 & 5 Mac | Dewan Suarah, Miri, Sarawak |
| 23 Mac | SMK Dalat, Mukah, Sarawak |
| 24 Mac | Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya |
| 27 Mac | Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah |

| | |
|---|---|
| 2 & 3 April | Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak |
| 29 April | Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya |
| 10 Mei | Dewan Pa' Musa, Beaufort, Sabah |
| 16 & 17 Mei | Plaza Angsana, Johor Bahru, Johor |
| 17 Mei | Kem Junaco Park, Sibu, Sarawak |
| 14 Jun | Dewan Tun Mustapha, Lahad Datu, Sabah |
| 18 Jun | SMK Matunggong, Kudat, Sabah |
| 23 Jun | Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya |
| 28 Jun | Dewan Tun Mustapha, Kudat, Sabah |
| 10 Julai | Dewan Masyarakat Lawas, Sarawak |
| 22 & 23 Julai | SMK Penrissen No. 1, Kuching, Sarawak |
| 26 & 27 Julai | Dewan Suarah, Sibu, Sarawak |
| 29 Julai | Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya |
| 31 Julai | SMK Batu Kawa, Kuching, Sarawak |
| 6 Ogos | Kem Sentosa, Bau, Sarawak |
| 14 Ogos | Universiti Malaysia Sabah, Labuan |
| 26 Ogos | Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya |
| 29 Ogos | Dewan Masyarakat Keningau, Sabah |
| 28 Oktober | SMJK Chan Wa, Jalan Temiang, Seremban, Negeri Sembilan |
| 15 & 16 November | Dewan Serbaguna SJK (C) Sin Hwa, Tawau, Sabah |
| 22 November | Dewan Masyarakat Pakan, Sarawak |
| 25 November | Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya |
| 23 Disember | Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya |









Hari SPA Bersama Pelanggan dan Karnival Kerjaya









Hari SPA Bersama Pelanggan dan Karnival Kerjaya

## LIPUTAN MEDIA CETAK DAN MEDIA ELEKTRONIK

Dalam usaha untuk memperkenalkan Suruhanjaya dan fungsinya kepada orang ramai, beberapa pendekatan telah diatur seperti siri penerangan dan promosi melalui media cetak dan elektronik. Pada tahun 2008, Ahli Suruhanjaya dan Setiausaha Suruhanjaya telah tampil menerusi siaran Selamat Pagi Malaysia dan Rancangan Isu Khas. Suruhanjaya juga telah membuat penjelasan pelbagai isu berkaitan melalui akhbar tempatan. Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan ketidakpuasan calon, isu pelantikan mengikut kaum dan sebagainya. Suruhanjaya juga telah mengadakan sidang akhbar untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada masyarakat awam.




Sidang Media oleh Y.B Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Menteri di Jabatan Perdana Menteri selepas mengadakan lawatan rasmi ke SPA pada 31 Julai 2008



Y. Bhg. Tan Sri Jamaluddin Bin Hj. Ahmad Damanhuri, Pengerusi SPA menjawab soalan yang dikemukakan oleh wartawan semasa Persidangan Suruhanjaya SPA, SPP dan SPN di Kuching, Sarawak pada 18 Ogos 2008.




Barisan panel yang terlibat dalam Rancangan Isu Khas;
Perkhidmatan Awam Untuk Semua di TV 1 pada 26 November 2008



Encik Tey Boon Hwa, Ahli Suruhanjaya ketika ditemu ramah oleh
Pengacara Selamat Pagi Malaysia pada 24 Januari 2008

## PERTANDINGAN BOLA SEPAK MAKSWIP 2008

Pasukan Bola Sepak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah berjaya menewaskan Pasukan Bola Sepak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam pertandingan bola sepak anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP) yang berlangsung pada 16 Julai 2008 di Stadium Pancarona, Putrajaya. Sebanyak 48 pasukan bola sepak di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya telah menyertai pertandingan ini. Dua pemain SPA, iaitu Kamarulzaman Hassan telah diumumkan sebagai penjaga gol terbaik kejohanan manakala Muhamad Faizal A. Rahman telah dipilih sebagai pemain terbaik perlawanan akhir. Kejayaan ini telah berjaya menaikkan nama SPA dalam arena sukan bola sepak antara Kementerian/ Jabatan/Agensi kerajaan. Piala pusingan telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo, Setiausaha SPA.



Y.Bhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo, Setiausaha SPA menyampaikan
piala pusingan kepada pengurus pasukan bola sepak SPA pada 16 Julai 2008.



Y.Bhg. Tan Sri Jamaluddin Bin Haji Ahmad Damanhuri, Pengerusi SPA bersama pasukan bola sepak SPA.

## PROGRAM KECERGASAN DAN HARI KELUARGA SPA 2008

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan program Kecergasan dan Hari Keluarga SPA 2008 pada 20 Disember 2008 bertempat di *Forest Research Institute Malaysia* (FRIM), Kepong, Selangor. Program tersebut telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Jamaluddin Bin Haji Ahmad Damanhuri, Pengerusi SPA. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah seperti Senam Seni, Sukaneka, Cabutan Bertuah dan Pemeriksaan Kesihatan. Turut hadir ialah Timbalan Pengerusi SPA, Y.Bhg. Dato' Ahmad Bin Said, Ahli-Ahli Suruhanjaya dan warga SPA. Program Kecergasan dan Hari Keluarga SPA tahun 2008 ini bertemakan "Satu Hati, Satu Keluarga".




Aktiviti Senam Seni




Acara tiup belon kategori Kanak-kanak




Aktiviti Sukaneka kategori VIP



Penyampaian hadiah aktiviti Sukaneka



Acara makan buah kategori Terbuka (Lelaki)



Aktiviti Sukaneka Kategori VIP



Aksi Senam Seni Warga SPA



Aksi "War Cry" Kumpulan Labu Labi

LAPORAN TAHUNAN 2008

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia




# KERATAN AKHBAR

# SPA kaji punca kurang pemohon bukan Melayu

**Utusan Borneo 16-11-2008**

TAWAU: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia akan menjalankan kajian berasaskan data saintifik dan akademik bagi mengenal pasti punca kurangnya permohonan daripada kaum bukan Melayu menyertai perkhidmatan awam.

Setiausaha SPA Datuk Lamien Sawiyo berkata kajian seumpama itu penting memandangkan pandangan banyak pihak berhubung masalah itu hanya berdasarkan persepsi.

"Sebenarnya, kita di SPA telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk meningkatkan penyertaan kaum bukan Melayu dalam Perkhidmatan Awam dan jawatankuasa ini dipengerusikan oleh timbalan pengerusi SPA.

"Salah satu langkah yang telah dikenal pasti ialah untuk menjalankan kajian persepsi psikologi dan kita telah berunding dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk melaksanakan kajian ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Pameran Kerjaya dan Hari SPA Bersama Pelanggan di SJK(C) Sin Hwa di sini kelmarin. Program berkenaan berakhir hari ini.

EPU selesai.

"Kita mahu mengetahui apakah yang menyebabkan golongan kaum bukan Melayu kurang berminat menyertai kerajaan. Selama ini tidak ada kajian khusus. Jadi ini merupakan satu percubaan untuk mengenal pasti ...

Dalam tempoh itu, jumlah

**UTUSAN BORNEO 22-08-2008**

# Beri peluang bukan Melayu

## Perkhidmatan awam perlu seimbang, berciri komposisi rakyat Malaysia

Oleh Lucia Jubis

"Kita sekarang berdepan dengan ramai penjawat awam yang terdiri daripada satu kaum sahaja dan elok rasanya kalau ramai lagi kaum lain diberi peluang untuk menyertai perkhidmatan awam."

Tan Sri Mohd Sidek Hassan

KUCHING: Golongan bukan Melayu yang layak menjawat jawatan penting perkhidmatan awam, perlu diberi peluang menyertai sektor itu bagi menyelesaikan masalah kekurangan bukan Melayu dalam perkhidmatan berkenaan, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Beliau berkata pada masa ini, ramai penjawat awam adalah terdiri daripada kaum Melayu sahaja dan lebih elok jika ramai kaum lain dapat menyertainya.

"Kita sekarang berdepan dengan ramai penjawat awam yang terdiri daripada satu kaum sahaja dan elok rasanya kalau ramai lagi kaum lain diberi peluang untuk menyertai perkhidmatan awam," katanya kepada pemberita sejurus merasmikan penutupan Persidangan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Negeri dan Pelajaran Ke-11 di Damai Puri Resort dekat sini semalam.

Menurut Mohd Sidek pelantikan penjawat awam perlu dilihat sebagai salah satu aspek yang akan memberi kesan kepada keharmonian kaum dan kesejahteraan masyarakat dalam negara ini.

"Seperti yang saya sebutkan selalu, pelantikan ke dalam perkhidmatan awam dan kenaikan pangkat harus dilakukan berdasarkan kepada markah merit mereka.

Selain itu, pihak berkuasa melantik mempunyai tanggungjawab bagi memastikan calon-calon yang berkelayakan mendapat tempat yang sewajarnya dalam perkhidmatan awam.

Jika usaha-usaha ini berterusan, ia akan merealisasikan wawasan kerajaan untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang bercirikan komposisi masyarakat Malaysia," katanya.

Beliau juga memaklumkan bahawa "langkah-langkah mengatasi kekurangan perwakilan bukan Melayu dalam perkhidmatan awam" sudah dibincangkan dalam persidangan berkenaan dan berharap semua pihak berkaitan akan mengambil langkah proaktif untuk menjadikan kerjaya dalam sektor awam sebagai antara pilihan utama kaum bukan Melayu.

Selain itu, Mohd Sidek juga mahu semua pihak berkuasa melantik mempertimbangkan keperluan masyarakat tertentu seperti orang asli dan orang kurang upaya untuk menjawat jawatan penting dalam perkhidmatan awam.

"Dengan kata-kata lain, peluang untuk memegang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan perlu dipertimbangkan secara adil kepada semua pihak," ujar beliau.

**Utusan Borneo 16-11-2008**

# Permohonan jawatan SPA online mulai Januari 2009

Oleh SHAMRY M SANI

TAWAU: Bermula 1 Januari 2009, permohonan jawatan perkhidmatan awam akan menggunakan online sepenuhnya.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Datuk Lamien Sawiyo berkata, pihaknya tidak lagi melaksanakan borang permohonan secara manual mulai tarikh itu.

"Namun penggunaan borang permohonan secara manual masih boleh digunakan sehingga tarikh pelaksanaan tersebut," katanya.

Sehingga kini, pihaknya hanya menerima permohonan tiga hingga empat peratus sahaja menggunakan borang permohonan manakala selebihnya secara online.

Beliau menjelaskan bahawa perkhidmatan online memudahkan dan mempercepatkan proses urusan permohonan 60,000 hingga 70,000 pemohon setiap bulan.



TINJAU PAMERAN ... Lamien meninjau pameran pada program itu kelmarin.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Program Hari Bersama Pelanggan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di sini kelmarin.

Sehubungan itu juga, bermula hari ini, borang permohonan SPA akan diedarkan secara percuma bagi menghabiskan stok sebelum ianya dihentikan.

Mengenai Program Hari Bersama Pelanggan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, beliau berkatan, program itu antara lain bagi menarik minat kaum pribumi Sabah dan kaum bukan Melayu untuk berkhidmat dalam sektor awam selain memberi maklumat mengenai perjawatan dalam sektor awam.

Lamien berkata, pada 2007 seramai 760,840 permohonan telah diterima iaitu telah menunjukkan peningkatkan kepada 917,111 orang berbanding 2008 sehingga September.

"Daripada bilangan itu, pada tahun 2007 seramai 38,000 pemohon telah diterima manakala pada 2008 ini kita menjangkakan seramai 45,000 pemohon akan diterima masuk," katanya.

LAPORAN TAHUNAN 2008

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia




# PENGHARGAAN

## Penghargaan

Suruhanjaya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

- Ketua Setiausaha Negara, semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis serta pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri yang telah melaksanakan beberapa tugas Suruhanjaya berpandukan kepada kuasa yang diwakilkan;
- Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama dalam menyediakan kemudahan untuk urusan temu duga dan peperiksaan di negeri masing-masing;
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan Jabatan Tenaga Kerja yang membantu menjual Borang SPA 8 kepada orang ramai; dan

Ahli Suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatan iaitu:

- Y. Bhg. Datuk Muhammad bin Mohd Nor, Timbalan Pengerusi SPA, 21 Februari 2008
- Y. Bhg. Dato' Ahmad Pharmy bin Abdul Rahman, 1 April 2008
- Encik Tey Boon Hwa, 1 April 2008
- Tuan Dr. Haji Ahmad Anwar bin Mohd Ismail, 8 April 2008
- Y. Bhg. Dato' Haji Mohd Esa bin Shariff, 15 April 2008
- Y. Bhg. Dato' Zakaria bin Mohd Taib, 18 April 2008
- Y. Bhg. Datuk Haji Abdullah bin Haji Yatim, 18 April 2008
- Y. Bhg. Dato' Wan Abdul Wahab bin Abdullah, 18 April 2008
- Y. Bhg. Datuk Md. Sani bin Adam, 29 Ogos 2008
- Y. Bhg. Dato' Asmah binti Abdul Hamid, 29 Ogos 2008
- Y. Bhg. Datuk Selvaraj A/L Arokiam, 29 Ogos 2008
- Y. Bhg. Dato' Halimah binti Haji Sulaiman, 25 September 2008
- Y. Bhg. Datin Hajah Fauziah binti Haji Mohd Ramly, 29 Oktober 2008.



# LAMPIRAN 'A'

## SENARAI JUMLAH PELANTIKAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2008

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred) | PELANTIKAN 2008 |
|---|---|---|
| 1 | AHLI MUZIK GRED B41 | - |
| 2 | AKAUNTAN GRED W41 | 79 |
| 3 | ARKITEK GRED J41 | 89 |
| 4 | ARKITEK LANDSKAP GRED J41 | - |
| 5 | ARKITEK LAUT GRED A41 | - |
| 6 | GURU BAHASA GRED DG41 | - |
| 7 | JURU X-RAY GRED U41 | - |
| 8 | JURUAUDIT GRED W41 | 40 |
| 9 | JURUBAHASA SERENTAK GRED N41 | - |
| 10 | JURUKARTOGRAFI GRED J41 | - |
| 11 | JURURAWAT GRED U41 | 28 |
| 12 | JURURAWAT (PENGAJAR) GRED U41 | 46 |
| 13 | JURUTERA (AWAM) GRED J41 | 741 |
| 14 | JURUTERA (ELEKTRIK) GRED J41 | 63 |
| 15 | JURUTERA (ELEKTRONIK) GRED J41 | 12 |
| 16 | JURUTERA (KIMIA) GRED J41 | 1 |
| 17 | JURUTERA (MEKANIKAL) GRED J41 | 173 |
| 18 | JURUTERA LAUT GRED A41 | 3 |
| 19 | JURUTERBANG/PEMERIKSA JURUTERBANG GRED A41 | - |
| 20 | JURUUKUR BAHAN GRED J41 | 144 |
| 21 | JURUUKUR BANGUNAN GRED J41 | 21 |
| 22 | JURUUKUR GRED J41 | 10 |
| 23 | KURATOR GRED S41 | - |
| 24 | LEFTENAN MARITIM GRED X17 | 48 |
| 25 | PEGAWAI AKTUARI GRED W41 | - |
| 26 | PEGAWAI ANTIDADAH GRED S41 | - |
| 27 | PEGAWAI ARKIB GRED S41 | 2 |
| 28 | PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S41 | 28 |
| 29 | PEGAWAI DIETETIK GRED U41 | 35 |
| 30 | PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E41 | - |

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred) | PELANTIKAN 2008 |
|---|---|---|
| 31 | PEGAWAI FARMASI GRED U41 | 675 |
| 32 | PEGAWAI GALIAN GRED C41 | - |
| 33 | PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41 | 89 |
| 34 | PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G41 | - |
| 35 | PEGAWAI KAJIBUMI (GEOFIZIK/KAJIBUMI) GRED C41 | 5 |
| 36 | PEGAWAI KAJICUACA GRED C41 | 51 |
| 37 | PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR GRED C41 | 13 |
| 38 | PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA GRED A41 | 78 |
| 39 | PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B41 | 11 |
| 40 | PEGAWAI KESATRIA GRED S41 | - |
| 41 | PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41 | 19 |
| 42 | PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U41 | - |
| 43 | PEGAWAI KIMIA BUMI GRED C41 | 1 |
| 44 | PEGAWAI LATIHAN GRED E41 | 4 |
| 45 | PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J41 | 140 |
| 46 | PEGAWAI LAUT GRED A41 | - |
| 47 | PEGAWAI MAKMAL FILEM GRED C41 | - |
| 48 | PEGAWAI OPTOMETRI GRED U41 | 6 |
| 49 | PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S41 | 120 |
| 50 | PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41 | 39 |
| 51 | PEGAWAI PENERANGAN GRED S41 | 14 |
| 52 | PEGAWAI PENERBITAN GRED N41 | - |
| 53 | PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED N41 | 40 |
| 54 | PEGAWAI PENILAIAN GRED W41 | 14 |
| 55 | PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41 | 87 |
| 56 | PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL GRED N41 | - |
| 57 | PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J41 | 39 |
| 58 | PEGAWAI PERGIGIAN GRED U41 | 227 |
| 59 | PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S41 | 83 |
| 60 | PEGAWAI PERIKANAN GRED G41 | 5 |
| 61 | PEGAWAI PERTAHANAN AWAM GRED KP41 | 4 |
| 62 | PEGAWAI PERTANIAN GRED G41 | 55 |

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred) | PELANTIKAN 2008 |
|---|---|---|
| 63 | PEGAWAI PERUBATAN GRED UD41 | 2055 |
| 64 | PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41 | 13 |
| 65 | PEGAWAI SAINS GRED C48 | - |
| | PEGAWAI SAINS GRED C41 | 60 |
| 66 | PEGAWAI SIASATAN GRED KR41 | 70 |
| 67 | PEGAWAI SYARIAH GRED LS41 | 78 |
| 68 | PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41 | 942 |
| 69 | PEGAWAI TADBIR GRED N41 | 36 |
| 70 | PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN GRED C41 | 4 |
| 71 | PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41 | 376 |
| 72 | PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L41 | 90 |
| 73 | PEGAWAI VETERINAR GRED G41 | - |
| 74 | PEMBANTU PERUBATAN GRED U41 | - |
| 75 | PEMELIHARA HUTAN GRED G41 | 26 |
| 76 | PEMERIKSA KAPAL TERBANG GRED A41 | 5 |
| 77 | PEMERIKSA KILANG DAN JENTERA GRED J41 | 10 |
| 78 | PENERBIT RANCANGAN GRED B41 | 40 |
| 79 | PENGAJAR (PELBAGAI BIDANG) GRED U41 | 7 |
| 80 | PENGUASA BOMBA GRED KB41 | 63 |
| 81 | PENGUASA IMIGRESEN GRED KP41 | - |
| 82 | PENGUASA KASTAM GRED W41 | 196 |
| 83 | PENGUASA PENJARA GRED KX41 | 38 |
| 84 | PENGURUS ASRAMA GRED N41 | - |
| 85 | PERANGKAWAN GRED N41 | 79 |
| 86 | PEREKA GRED B41 | 3 |
| 87 | PUSTAKAWAN GRED S41 | 21 |
| | | |
| 88 | AHLI FOTOGRAFI GRED B27 | - |
| 89 | AHLI MUZIK GRED B27 | - |
| 90 | ARTIS BUDAYA GRED B27 | - |
| 91 | JURU X-RAY GRED U29 | 150 |
| 92 | JURUPULIH PERUBATAN ANGGOTA GRED U29 | 65 |

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred) | PELANTIKAN 2008 |
|---|---|---|
| 93 | JURUPULIH PERUBATAN CARA KERJA GRED U29 | 50 |
| 94 | JURURAWAT GRED U29 | 2923 |
| 95 | JURURAWAT PERGIGIAN GRED U29 | 125 |
| 96 | JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN GRED U29 | 469 |
| 97 | JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN GRED U29 | 40 |
| 98 | LEFTENAN MUDA MARITIM GRED X13 | 47 |
| 99 | PEGAWAI KANAN PETEMPATAN GRED N27 | - |
| 100 | PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B27 | 27 |
| 101 | PEMBANTU UNDANG-UNDANG GRED L29 | 135 |
| 102 | PEMBANTU FARMASI GRED U29 | 146 |
| 103 | PEMBANTU PERUBATAN GRED U29 | 653 |
| 104 | PEMBANTU TEKNIK (AWAM) GRED J29 | 183 |
| 105 | PEMBANTU TEKNIK (ELEKTRIK) GRED J29 | 20 |
| 106 | PEMBANTU TEKNIK (ELEKTRONIK) GRED J29 | 21 |
| 107 | PEMBANTU TEKNIK (KIMIA) GRED J29 | - |
| 108 | PEMBANTU TEKNIK (LANSDKAP) GRED J29 | 5 |
| 109 | PEMBANTU TEKNIK (MEKANIKAL) GRED J29 | 65 |
| 110 | PEMBANTU TEKNIK (MEKATRONIK) GRED J29 | - |
| 111 | PEMBANTU TEKNIK (SENIBINA) GRED J29 | 72 |
| 112 | PEMBANTU TEKNIK (UKUR BAHAN) GRED J29 | 5 |
| 113 | PEMBANTU TEKNIK (UKUR BANGUNAN) GRED J29 | - |
| 114 | PEMBANTU TEKNIK GRED J29 | - |
| 115 | PEMBANTU TEKNIK KAPAL TERBANG GRED A29 | - |
| 116 | PEMBANTU TEKNIK UKUR GRED J29 | 13 |
| 117 | PEN. PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA GRED J29 | 13 |
| 118 | PEN. PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S27 | 56 |
| 119 | PENERBIT RANCANGAN GRED B27 | 62 |
| 120 | PENOLONG AKAUNTAN GRED W27 | 539 |
| 121 | PENOLONG JURUAUDIT GRED W27 | 397 |
| 122 | PENOLONG JURUTERA LAUT GRED A29 | - |
| 123 | PENOLONG KAUNSELOR GRED S27 | - |
| 124 | PENOLONG KURATOR GRED S27 | - |

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred) | PELANTIKAN 2008 |
|---|---|---|
| 125 | PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH GRED S27 | 114 |
| 126 | PENOLONG PEGAWAI ARKIB GRED S27 | 1 |
| 127 | PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S27 | 149 |
| 128 | PENOLONG PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E27 | - |
| 129 | PENOLONG PEGAWAI GALIAN GRED C27 | - |
| 130 | PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S27 | 75 |
| 131 | PENOLONG PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G27 | 13 |
| 132 | PENOLONG PEGAWAI KAJICUACA GRED C27 | 3 |
| 133 | PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR GRED C27 | 16 |
| 134 | PENOLONG PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA GRED A29 | 102 |
| 135 | PENOLONG PEGAWAI KESATRIA GRED S27 | - |
| 136 | PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP27 | 42 |
| 137 | PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29 | 229 |
| 138 | PENOLONG PEGAWAI KIMIA BUMI GRED C27 | - |
| 139 | PENOLONG PEGAWAI LATIHAN GRED E27 | - |
| 140 | PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J29 | 44 |
| 141 | PENOLONG PEGAWAI LAUT GRED A29 | - |
| 142 | PENOLONG PEGAWAI MAKMAL FILEM GRED C27 | - |
| 143 | PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S27 | 235 |
| 144 | PENOLONG PEGAWAI PENDAFTARAN GRED KP27 | 18 |
| 145 | PENOLONG PEGAWAI PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA DGA29 | 289 |
| 146 | PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN GRED S27 | 30 |
| 147 | PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN GRED N27 | - |
| 148 | PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED N27 | 69 |
| 149 | PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W27 | 34 |
| 150 | PENOLONG PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN GRED C27 | 20 |
| 151 | PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q27 | 26 |
| 152 | PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL GRED N27 | 3 |
| 153 | PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN GRED N27 | 72 |
| 154 | PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN GRED G27 | 14 |
| 155 | PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN GRED S27 | 49 |
| 156 | PENOLONG PEGAWAI PERTAHANAN AWAM GRED KP27 | 17 |

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred) | PELANTIKAN 2008 |
|---|---|---|
| 157 | PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G27 | 65 |
| 158 | PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI GRED | 99 |
| 159 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR REKOD PERUBATAN GRED N27 | - |
| 160 | PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C27 | 21 |
| 161 | PENOLONG PEGAWAI SIASATAN GRED KR29 | 15 |
| 162 | PENOLONG PEGAWAI SYARIAH GRED LS27 | 8 |
| 163 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENGHULU) GRED N27 | 8 |
| 164 | PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27 | 360 |
| 165 | PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT31 | - |
| 166 | PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN GRED C27 | 12 |
| 167 | PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F29 | 290 |
| 168 | PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G27 | - |
| 169 | PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G27 | 12 |
| 170 | PENOLONG PEMERIKSA KILANG DAN JENTERA GRED J29 | 2 |
| 171 | PENOLONG PENGUASA BOMBA GRED KB29 | 41 |
| 172 | PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN GRED KP27 | 131 |
| 173 | PENOLONG PENGUASA KASTAM GRED W27 | 23 |
| 174 | PENOLONG PENGUASA PENJARA GRED KX27 | 212 |
| 175 | PENOLONG PENGURUS ASRAMA GRED N27 | 5 |
| 176 | PEREKA GRED B27 | 15 |
| | | |
| 177 | AHLI FOTOGRAFI GRED B17 | 25 |
| 178 | AHLI MUZIK GRED B17 | - |
| 179 | ARTIS BUDAYA GRED B17 | - |
| 180 | JURU X-RAY PELATIH GRED U29 | 362 |
| 181 | JURUAUDIO VISUAL GRED N17 | 52 |
| 182 | JURUBAHASA GRED L17 | 208 |
| 183 | JURULATIH KAWAD GRED S17 | - |
| 184 | JURUPULIH PERUBATAN ANGGOTA PELATIH GRED U29 | 209 |
| 185 | JURUPULIH PERUBATAN CARA KERJA PELATIH GRED U29 | 196 |
| 186 | JURURAWAT MASYARAKAT GRED U19 | 2099 |
| 187 | JURURAWAT MASYARAKAT PELATIH GRED U19 | 4681 |
| 188 | JURURAWAT PELATIH GRED U29 | 4714 |

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred) | PELANTIKAN 2008 |
|---|---|---|
| 189 | JURURAWAT PERGIGIAN PELATIH GRED U29 | 194 |
| 190 | JURUSOLEK GRED B17 | - |
| 191 | JURUTEKNIK (AWAM) GRED J17 | 429 |
| 192 | JURUTEKNIK (ELEKTRIK) GRED J17 | 118 |
| 193 | JURUTEKNIK (ELEKTRONIK) GRED J17 | 33 |
| 194 | JURUTEKNIK (MEKANIKAL) GRED J17 | 33 |
| 195 | JURUTEKNIK (PERANCANG BANDAR & DESA) GRED J17 | 25 |
| 196 | JURUTEKNIK (UKUR BAHAN) GRED J17 | 8 |
| 197 | JURUTEKNIK UKUR GRED J17 | 73 |
| 198 | JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17 | 1468 |
| 199 | JURUTEKNIK LANDSKAP GRED J17 | - |
| 200 | JURUTEKNIK PERUBATAN GRED U19 | - |
| 201 | JURUTEKNIK SENIBINA GRED J17 | 24 |
| 202 | JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN PELATIH GRED U29 | 543 |
| 203 | JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN PELATIH GRED U29 | 138 |
| 204 | LASKAR KELAS II MARITIM GRED X1 | 772 |
| 205 | MERINYU LAUT GRED A17 | 5 |
| 206 | MERINYU TALIAIR GRED J17 | - |
| 207 | OPERATOR WAYARLES GRED N17 | 4 |
| 208 | PEGAWAI BOMBA GRED KB17 | 127 |
| 209 | PEGAWAI IMIGRESEN GRED KP17 | 2157 |
| 210 | PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B17 | - |
| 211 | PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17 | 264 |
| 212 | PEGAWAI PENJARA GRED KX17 | 854 |
| 213 | PEGAWAI PERHUBUNGAN PREMAN GRED KP19 | 4 |
| 214 | PELUKIS PELAN GRED J17 | 49 |
| 215 | PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17 | 475 |
| 216 | PEMBANTU ANTIDADAH GRED S17 | 1666 |
| 217 | PEMBANTU ARKIB GRED S17 | - |
| 218 | PEMBANTU BELIA DAN SUKAN GRED S17 | 60 |
| 219 | PEMBANTU EHWAL EKONOMI GRED E17 | - |
| 220 | PEMBANTU FARMASI PELATIH GRED U29 | 423 |

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred) | PELANTIKAN 2008 |
|---|---|---|
| 221 | PEMBANTU GALIAN GRED C17 | 1 |
| 222 | PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S17 | 645 |
| 223 | PEMBANTU HIDUPAN LIAR GRED G17 | 82 |
| 224 | PEMBANTU JURUAUDIT GRED W17 | - |
| 225 | PEMBANTU KAJI BUMI GRED C17 | 12 |
| 226 | PEMBANTU KAJI CUACA GRED C17 | 32 |
| 227 | PEMBANTU KAWALAN TRAFIK UDARA GRED A17 | 3 |
| 228 | PEMBANTU KESATRIA GRED S17 | 12 |
| 229 | PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP17 | 57 |
| 230 | PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U17 | 180 |
| 231 | PEMBANTU MAKMAL FILEM GRED C17 | 3 |
| 232 | PEMBANTU MAKMAL GRED C17 | 118 |
| 233 | PEMBANTU MUZIUM GRED S17 | - |
| 234 | PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN GRED E17 | 5 |
| 235 | PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J17 | 91 |
| 236 | PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S17 | 1144 |
| 237 | PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN GRED U17 | 247 |
| 238 | PEMBANTU PEMERIKSA KILANG DAN JENTERA GRED J17 | 79 |
| 239 | PEMBANTU PEMULIHARAAN GRED S17 | - |
| 240 | PEMBANTU PENDAFTARAN GRED KP17 | 529 |
| 241 | PEMBANTU PENERANGAN GRED S17 | 113 |
| 242 | PEMBANTU PENERBITAN GRED N17 | 9 |
| 243 | PEMBANTU PENGUASA KASTAM GRED W17 | 658 |
| 244 | PEMBANTU PENGUATKUASA GRED N17 | 1660 |
| 245 | PEMBANTU PENILAIAN GRED W17 | 64 |
| 246 | PEMBANTU PENYELIDIK GRED Q17 | 7 |
| 247 | PEMBANTU PENYELIDIK SOSIAL GRED N17 | 4 |
| 248 | PEMBANTU PERANGKAAN GRED N17 | 168 |
| 249 | PEMBANTU PERHUBUNGAN PERUSAHAAN GRED S17 | 80 |
| 250 | PEMBANTU PERIKANAN GRED G17 | 43 |
| 251 | PEMBANTU PERPUSTAKAAN GRED S17 | 171 |
| 252 | PEMBANTU PERTAHANAN AWAM GRED KP17 | 240 |

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred) | PELANTIKAN 2008 |
|---|---|---|
| 253 | PEMBANTU PERTANIAN GRED G17 | 63 |
| 254 | PEMBANTU PERUBATAN PELATIH GRED U29 | 1042 |
| 255 | PEMBANTU SIASATAN GRED KR17 | 95 |
| 256 | PEMBANTU SYARIAH GRED LS17 | 91 |
| 257 | PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N17 | 717 |
| 258 | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W17 | 1663 |
| 259 | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17 | 4432 |
| 260 | PEMBANTU TADBIR (UNDANG-UNDANG) GRED L17 | 177 |
| 261 | PEMBANTU VETERINAR GRED G17 | 43 |
| 262 | PEMERIKSA CAP JARI GRED N17 | 2 |
| 263 | PEMERIKSA KERETA MOTOR GRED A17 | 275 |
| 264 | PENERBIT RANCANGAN GRED B17 | 102 |
| 265 | PENGAJAR MEMBALAK GRED G17 | - |
| 266 | PENIUP KACA GRED N17 | 1 |
| 267 | PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED R17 | 1 |
| 268 | PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT17 | 64 |
| 269 | PENYELIA ASRAMA GRED N17 | 25 |
| 270 | PENYELIA JURUPAKAIAN GRED N17 | - |
| 271 | PEREKA GRED B17 | 13 |
| 272 | RENJER HUTAN GRED G17 | 5 |
| 273 | SERANG GRED A17 | - |
| 274 | PEMBANTU KESIHATAN AWAM PELATIH | 490 |
| 275 | PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN PELATIH | 210 |
| 276 | PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN PELATIH | 539 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 52,369 |

# LAGU SPA

DENGAN SEMANGAT MERDEKA
TERTUBUHNYA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
SATU BADAN YANG PENUH BERWIBAWA

BEBAS, ADIL DAN BERKESAN
ASAS SEGALA URUSANNYA
MELAKSANAKAN FUNGSI PERLEMBAGAAN
MENCORAK PERKHIDMATAN AWAM NEGARA

KUALITI MENJADI TERAS PERKHIDMATAN
MUDAH, CEPAT, TEPAT ASAS TINDAKAN
NILAI ETIKA MURNI DIAMALKAN
MENDOKONG PERKHIDMATAN CEMERLANG

SENTIASA BERTEKAD DAN BERUSAHA
MENEMPUH ARUS KEMAJUAN
BERBEKAL SEMANGAT YANG WAJA
BERGERAK MENCAPAI WAWASAN

Lagu oleh : Abdul Rahman bin Jaafar dan Allahyarham Alias bin Jamsuri
Lirik oleh : Tuan Haji Zolkiflie bin Rasip



**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,**
Aras 6-10 Blok C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62520 Putrajaya.
No Tel : 03-88856000

**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,**
Urus Setia Cawangan Sabah,
Aras 1, Blok A,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS/Sulaman, Likas,
88450 Kota Kinabalu, Sabah.
No Tel : 088-488922

**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,**
Urus Setia Cawangan Sarawak,
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93520 Kuching, Sarawak.
No Tel : 082-240011

**Portal SPA: http://www.spa.gov.my**